

LAPORAN TAHUNAN 2019



JABATAN
PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN



KEMENTERIAN
SUMBER MANUSIA

PENCAPAIAN TAHUN 2019

"SKILLS 4 ALL"

'JPK Peneraju Dalam Pembangunan
Sumber Manusia Mahir Bertaraf Dunia'

TADBIR URUS TVET

Sistem SKKM
JPKSKKM

TIPS
TVET INSTRUCTOR ePROFILING SYSTEM
Right Trainer • Right Training • Right Time

CODE OF PRACTICE
FOR TVET
PROGRAMME
ACCREDITATION

- Kerangka Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran 2020-2025
- Quick Win JPK 2020-2022
- Sistem Latihan Pusat Bertaualiah (SLaPB)

PEMBANGUNAN PROGRAM KEMAHIRAN

125 NOSS lulus MPKK
42 NOSS IR4.0

- 12 Kerangka Pekerjaan dibangunkan
- 18 program SLDN dibangunkan
- Buku Panduan WIM dan Soalan Penilaian siap
- Bank Soalan Kemahiran Kebangsaan diperkuuhkan

PENTAULIAHAN PROGRAM

3,637 program
ditauliah di PB Awam
*Q-Fact

1,966 program
ditauliah di PB Swasta
*Q-Fact

- 95 PB Awam
*Data Q-Fact
- 30 PB Swasta
*Data Q-Fact
- 1,145 Program Baharu
*BP MOSQ 2019
- 938 Pembaharuan Program
*BP MOSQ 2019

PENDAFTARAN SKM

98,065
pendaftaran SKM

- 69,255 melalui PB
- 8,446 melalui SLDN
- 20,364 melalui PPT

PERSIJILAN SKM

98,000

Sijil Kemahiran Malaysia
dikeluarkan

14,215
pekerja mahir
dikeluarkan
(Tahap 4 & 5)

83,785
pekerja separa
mahir dikeluarkan
(Tahap 1, 2 & 3)

- 65,398 SKM PB
- 8,051 SKM SLDN
- 24,365 SKM PPT
- 186 SKM NDT

TENAGA PENGAJAR

16,174 pengajar
menyertai kursus jangka
pendek dan panjang *QFact CIAST

- 13,848 pengajar dilatih
*KPI P CIAST
- 11,811 pengajar ditingkatkan
kemahiran *KPI P CIAST
- 934 pelajar VTO *KPI P CIAST

- 658 Graduan VTO
*KPI P CIAST
- 547 ReS & UpS
pengajar CIAST
*KPI P CIAST
- 1,002 pengajar
ikuti LSI & PKI
*KPI P CIAST
- 1,483 kursus
dilaksanakan
*QFact CIAST

KAWAL SELIA

Penarafan Bintang
545 Pusat
Bertaualiah
*BP PKS 2019

- 18,084 Personel SPKM
dilantik *QFact CIAST
- 50 Pusat Bertaualiah
diperiksa di bawah
AKTA 652 *BP PKS 2019

PROMOSI

TVET Conference 2019
Dilancarkan oleh
Perdana Menteri Malaysia

Pelancaran
SkillsMalaysia 2.0

Dilancarkan oleh
DYMM Sultan Perak

- Karnival SkillsMalaysia
- Seminar TVET Malaysia
- Pameran Jom Heboh

KERJASAMA INDUSTRI

384 syarikat
PB SLDN

- 933 syarikat menyertai program SLDN
- 4 kajian berkaitan kemahiran
- 10 analisa hasil dapatkan
- 30 agensi Industry Lead Body
- 7 agensi/syarikat baharu menjalankan kerjasama strategik

PERTANDINGAN KEMAHIRAN 2019

- Pertandingan Kemahiran WSMB - 19 bidang dianjurkan
- Pertandingan Kemahiran WSMP - 3 bidang dianjurkan
- **WorldSkills Australia** - Penyertaan
- **WorldSkills Competition Kazan, Russia** - Penyertaan
- **Junior SkillsMalaysia** - 5 bidang dianjurkan

PERTANDINGAN INOVASI 2019

**International Invention
innovation Competition
in Canada (iCAN2019):**
Projek Inovasi - Gold,
Special Inventor Award

- **CompEx'19:**
Projek eProfiling Pengajar TVET - GOLD
Drone Parcel - Juara Katogeri D dan Silver
- **ITEX19:**
Projek eProfiling Pengajar TVET - Silver
Electric Automatic Recovery Triping System
By Using Ardvinco Micro Controller - Silver
dan C.S LEE Award2019

InSIDE19:
Parcel Drone - Platinum
Welding Jig - GOLD
HySett - Silver
eProfiling - Bronze

**Universiti Robot Competition
Kingdom of Champion Urock 2019:**
Drone Delivery Obstacle dan
Delivery Freestyle
Juara: CIAST C, Keempat CIAST A dan
Juara: CIAST A, Kelima CIAST B

**Innovation Development Through
Education Activities IDEA2019:**
Projek Inovasi - Silver

LAPORAN TAHUNAN **2019**



JABATAN
PEMBANGUNAN
KEMAHIRAN

ISI KANDUNGAN

| | | |
|--|-----------|--|
| BAB 1 : TADBIR URUS TVET | 17 | |
| ● Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSM RMK 11) | 18 | |
| ● Pelan Strategik KSM 2018-2020 | 18 | |
| ● Pelan Retreat JPK 2018-2020 | 19 | |
| ● Rolling Plan | 20 | |
| ● Kerangka ‘Blueprint’ Pembangunan Modal Insan Berkemahiran | 21 | |
| ● Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) | 22 | |
| ● Kumpulan Perancang Strategik Jabatan | 30 | |
| ● Pematuhan Terhadap Dasar dan Peruntukan Perundangan di Bawah Akta 652 | 31 | |
| ● Penarafan Bintang Program Bertauliah | 35 | |
| ● SPKM Melalui Kaedah Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB) | 36 | |
| ● Tadbir Urus Industry Lead Body (ILB) | 40 | |
| ● Program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar TVET | 43 | |
| ● Pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) MS ISO 9001:2015 | 45 | |
| | | |
| BAB 2 : PENSIJILAN DAN PENGIKTIRAFAN | 47 | |
| ● Pelan Strategik KSM 2018-2020 | 48 | |
| ● Pelan Retreat JPK 2018-2020 | 48 | |
| ● Kerangka ‘Blueprint’ Pembangunan Modal Insan Berkemahiran | 49 | |
| ● Pentauliahan | 50 | |
| ● Pensijilan | 62 | |
| ● Pembangunan Dokumen Kerangka Pekerjaan | 63 | |
| ● Pembangunan NOSS dan Kurikulum Latihan Kemahiran | 66 | |
| ● Artikulasi Program Kemahiran | 80 | |
| ● Program Pemeriksaan Pentauliahan dan Pensijilan Kemahiran Malaysia | 84 | |
| | | |
| BAB 3 : PEMBIAYAAN LATIHAN | 99 | |
| ● Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMK 11) | 100 | |
| ● Pelan Strategik KSM 2018-2020 | 101 | |
| ● Pelan Retreat JPK 2018-2020 | 101 | |
| ● Kerangka ‘Blueprint’ Pembangunan Modal Insan Berkemahiran | 102 | |
| ● Projek Pembangunan JPK di Bawah RMKe-11 | 103 | |
| ● Business Plan JPK | 105 | |
| ● Penyertaan Perantis dalam Pelaksanaan SLDN Berinsentif RMKe 11 | 106 | |

| | | | |
|---|------------|--|------------|
| BAB 4 : KUALITI LATIHAN | 107 | BAB 6 : PROMOSI | 163 |
| ● Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RML 11) | 108 | ● Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas (KSP RMK 11) | 164 |
| ● Pelan Strategik KSM 2018-2020 | 109 | ● Pelan Strategik KSM 2018-2020 | 165 |
| ● Pelan Retreat JPK 2018-2020 | | ● Pelan Retreat JPK 2018-2020 | 165 |
| ● Rolling Plan 4 | 109 | ● Kerangka 'Blueprint' Pembangunan Modal Insan Berkemahiran | 166 |
| ● Kerangka 'Blueprint' Pembangunan Modal Insan Berkemahiran | 110 | ● Pertandingan Kemahiran Malaysia | 167 |
| ● Kerangka 'Blueprint' Pembangunan Modal Insan Berkemahiran | 111 | ● Penggiatan Program SLDN | 181 |
| ● Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran | 112 | ● Majlis Konvokesyen SLDN | 184 |
| ● Kajian Keberkesanan Projek Pembangunan Melalui Kajian Penilaian Outcome | 114 | ● Program Outreach JPK | 185 |
| ● Penyertaan di Peringkat Antarabangsa | 119 | ● Penyiaran, Penerbitan dan Artikel | 202 |
| ● Latihan Pra-Perkhidmatan | 123 | | |
| ● Latihan Dalam Perkhidmatan | 125 | | |
| ● Program Pembangunan Fasilitator Bertaullah, Profail Pengajar Kemahiran (<i>e-Profilin</i>) dan Profesional Kemahiran. | 128 | | |
| ● Pengurusan Personel Lantikan | 137 | | |
| ● Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019 | 144 | | |
| ● Program Antarabangsa Untuk Pengajar TVET 2019 | 145 | | |
| BAB 5 : KERJASAMA STRATEGIK | 149 | BAB 7 : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN KEWANGAN | 207 |
| ● Pelan Strategik KSM 2018-2020 | 150 | ● Perjawatan | 208 |
| ● Pelan Retreat JPK 2018-2020 | 150 | ● Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) | 208 |
| ● Rolling Plan 4 | 151 | ● Kenaikan Pangkat | 209 |
| ● Kerangka 'Blueprint' Pembangunan Modal Insan Berkemahiran | 152 | ● Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) | 210 |
| ● Hubungan Kerjasama dan Jaringan Strategik dengan <i>Industry Lead Body</i> (ILB) | 153 | ● Jasamu Dikenang | 212 |
| ● Jalinan Kerjasama dengan Agensi dan Industri | 159 | ● Dalam Kenangan | 212 |
| ● Penyertaan Perantis dalam Pelaksanaan SLDN Berinsentif dan Tanpa Insentif | 160 | | |
| BAB 8 : PERLAKSANAAN AKTIVITI - PROGRAM JPK | 213 | | |
| ● Inovasi Dan Kreativiti – KIK | 214 | | |
| ● Eksosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2.0 | 219 | | |



TN. HJ. ZAIHAN BIN SHUKRI
Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran

KATA PENGANTAR

**KETUA PENGARAH PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
TN. HJ ZAIHAN BIN SHUKRI**

Assalamualaikum WBT, Salam Kemahiran Malaysia.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua warga Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang telah berjaya menerbitkan Buku Laporan Tahunan JPK 2019. Selain daripada menunjukkan keberhasilan strategi yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2019, buku laporan ini juga merupakan kayu pengukur dalam menilai prestasi JPK sebagai badan penyelaras latihan kemahiran di Malaysia.

Penjenamaan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) Malaysia yang telah dilancarkan dan disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri pada 27 September 2017 dan penegasan semula dalam Ucapan Bajet 2018, menunjukkan bahawa Kerajaan beriltizam mempertingkatkan keupayaan dan keberkesanan TVET dengan kolaborasi strategik antara semua pihak berkepentingan terutama tujuh (7) Kementerian yang terlibat secara langsung dengan TVET. Ini merupakan satu peristiwa penting yang perlu diberi perhatian oleh Jabatan supaya apa yang diimpikan oleh YAB Perdana Menteri menjadi kenyataan.

Bagi meningkatkan keupayaan dan keberkesanan TVET dilaksanakan di Malaysia, satu kerangka pelan tindakan telah dibangunkan oleh Jawatankuasa Kerja di bawah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) supaya

ia menjadi dasar dan polisi serta rujukan utama kepada semua pemain utama TVET di Malaysia.

Draf Kerangka Blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran ini melibatkan enam kluster jawatankuasa kerja MPKK iaitu Tadbir Urus TVET, Persijilan dan Pengiktirafan, Pembiayaan Latihan, Peningkatan Kualiti Latihan TVET, Kerjasama Strategi dan Promosi. Ia merupakan jujukan inisiatif dan usaha komprehensif melalui TVET yang digerakkan oleh semua pihak yang berkepentingan di Malaysia secara strategik untuk merealisasikan hasrat memperkasakan dan mengoptimum potensi modal insan berkemahiran sebagai pemacu perkembangan industri dan pertumbuhan sosioekonomi Malaysia bagi mencapai status negara maju yang inklusif, saksama dan makmur.

Inisiatif ini diperkenalkan bagi melahirkan modal insan berkemahiran yang berpengetahuan, responsif, dinamik, kreatif dan inovatif serta berdaya saing tinggi dalam arus perubahan supaya kekal relevan sebagai tenaga mahir atau usahawan dalam industri.

Di bawah teras strategik bagi modal insan dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030, Kerajaan menyasarkan sekurang-kurangnya 60% lepasan SPM melanjutkan pelajaran dalam bidang TVET dan seterusnya mencapai sasaran 35% pekerja berkemahiran tinggi dalam guna tenaga negara.

Data-data semasa, membuktikan lulusan melalui TVET, lebih mudah mendapat pekerjaan. Lulusan politeknik yang mendapat pekerjaan, meningkat daripada 79.5% pada tahun 2015 kepada 96.1% pada tahun 2018, sementara lulusan daripada kolej komuniti yang mendapat pekerjaan, meningkat daripada 91.2% pada tahun 2015 kepada 96.5% pada tahun 2018. Secara keseluruhan, 92% lulusan TVET mendapat pekerjaan; berbanding 30,765 graduan, atau 59.9% graduan peringkat pengajian ijazah pertama dan ke atas, yang belum bekerja selepas satu tahun tamat pengajian. Negara sebaiknya melihat kepada penekanan Negara Switzerland dalam melaksanakan program pendidikan. Switzerland, ketika ini menduduki tempat kelima dalam persaingan global, dan

berada di tangga terbaik dunia daripada segi latihan vokasional, dan program kebolehpasaran graduan yang mana 70% pelajar peringkat menengah di Switzerland dilaporkan menyertai TVET.

Hari ini, dunia berbicara tentang Revolusi Industri Keempat (Fourth Industrial Revolution-IR4.0), revolusi yang berbicara tentang perangkaian (connectivity), dicirikan oleh pelbagai teknologi yang menggabungkan elemen-elemen fizikal, digital dan biologi, memberi kesan kepada pelbagai disiplin, ekonomi dan industri, malah turut mencabar pengertian insaniah. Dunia juga berbicara tentang kecerdasan buatan (artificial intelligence-AI) yang mana ia bukanlah satu fiksyen. Kecerdasan buatan adalah satu realiti yang sedang berlaku, dan akan terus memenuhi pelbagai peranan baharu, menghasilkan produk baharu dan mempengaruhi budaya hidup baharu.

Menyedari tuntutan semasa untuk membekalkan modal insan yang memiliki kemahiran yang relevan, Jabatan dan Kementerian Sumber Manusia telah mengambil langkah memperkenalkan program 'KEMAHIRAN MALAYSIA 2.0: KEMAHIRAN UNTUK SEMUA; Ke Arah Pekerjaan Kolar Baharu" atau "SkillsMalaysia 2.0: Skills4All; Towards New Collar Jobs" sebagai salah satu usaha mempromosikan semula bidang kemahiran di Malaysia dan meningkatkan penyertaan golongan muda dalam bidang tersebut. Selepas lapan (8) tahun berlalu, pelbagai perubahan teknologi telah berlaku khususnya berkaitan dengan IR4.0. Pada masa kini, Jabatan dan

Kementerian berpendapat adalah sesuai agar konsep ini diberi penjenamaan semula kepada SkillsMalaysia 2.0.

**Menyedari kepentingan
penjenamaan semula ini,
Sultan Nazrin Muizzuddin
Shah ibni Almarhum Sultan
Azlan Muhibbuddin Shah Al-
Maghfur-Lah telah mencemar
duli menyempurnakan Majlis
Pelancaran SkillsMalaysia
2.0: Skills4All; Towards New
Collar Jobs anjuran Jabatan
dan Kementerian yang
berlangsung pada 3 Disember
2019 di Institut Latihan
Perindustrian (ILP) Ipoh.**

SkillsMalaysia 2.0 adalah aspirasi Jabatan dan Kementerian untuk melahirkan modal insan yang berdaya saing dan berintegriti melalui TVET. Pelancaran ini adalah wajar dengan mengambil kira perkembangan teknologi, khususnya IR4.0 bagi era pasca 2020 di mana kewujudan banyak pekerjaan baharu yang memerlukan kombinasi pengetahuan teknikal, analitis dan kemahiran berinteraksi.

Terdapat banyak agensi lain yang terlibat dalam pengendalian program TVET di Malaysia. Namun begitu, pelancaran SkillsMalaysia 2.0 bukanlah bertujuan untuk mewujudkan persaingan, tetapi sebagai platform untuk meningkatkan lagi kerjasama dengan semua Kementerian dan Agensi dalam memperkasakan bidang kemahiran di negara ini.

Di bawah SkillsMalaysia 2.0, Jabatan telah mempergiatkan aktiviti promosi mengenai TVET melalui program-program outreach di sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar seperti di kampung-kampung dan di tanah rancangan Felda. Lantaran itu, ia diharap dapat menarik minat lebih ramai golongan muda memilih TVET sebagai pilihan utama bagi melanjutkan pengajian mereka selepas menamatkan pendidikan di peringkat sekolah menengah. Selain daripada itu, adalah mustahak supaya golongan minoriti diberi peluang dan akses kepada program TVET.

Semoga langkah Jabatan dan Kementerian ini dapat memantapkan pembangunan modal insan terbaik di bidang TVET, dan turut memantapkan latihan kemahiran bagi menyokong pembangunan industri dan penguasaan teknologi, seterusnya dapat mengurangkan kebergantungan negara terhadap teknologi dan tenaga mahir dari negara luar.

Akhir kata, saya ingin menzahirkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga JPK yang sentiasa memberi sokongan dan kerjasama untuk memastikan JPK terus berada di persada kecemerlangan. Saya berharap kita semua terus bersatu hati untuk bergerak seiringan dalam mengharungi cabaran bagi memastikan JPK sentiasa gemilang dan terbilang.

Sekian, terima kasih.

PROFIL

TIMBALAN KETUA
PENGARAH (OPERASI)

DR. MOHD RASHID BIN
BUYONG HAMZAH



PENGARAH BAHAGIAN SLDN

DR. ARUNA BINTI ISMAIL@
ABD. WAHAB



PENGARAH BAHAGIAN MOSQ

EN. MOHD SUKRI BIN
ISMAIL



TIMBALAN KETUA PENGARAH
(PEMBANGUNAN)

HJ. SUIMI BIN ABD MAJID



PENGARAH BAHAGIAN KS

PN. FAIZAH BINTI HARUN



PENGARAH BAHAGIAN PMO

PN. HJH. ZULEAH BINTI
DARSONG



PENGARAH CIAST

TS. DR. MOHAMAD BIN
SULAIMAN



KETUA PENGARAH
PEMBANGUNAN KEMAHIRAN

HJ. ZAIHAN BIN SHUKRI

PEGAWAI UNDANG-UNDANG

EN. SUHAIL BIN ABDUL HALIM



KORPORATI

PENGARAH BAHAGIAN P&KS

DR. MOHD FAIZAL BIN TOKERAN



PENGARAH BAHAGIAN NOSS

DR. HJ. GHALIP BIN SPAHAT



PENGARAH BAHAGIAN PPP

PN. MOLINDA BINTI ABD RAHMAN



PENGARAH BAHAGIAN KPSM

EN. P. JEEVANANTH A/L PALIAH



PENGARAH W. TENGAH

DR. HJH. RUMINAH BINTI MUHAMMAD ZAIN



PENGARAH W. SELATAN

EN. ABD HALIM BIN HASAN



PENGARAH W. SABAH

EN. MOHD AZMI BIN PELAH



PENGARAH W. UTARA

EN. MOHD AZMIR BIN AHMAD



PENGARAH W. SARAWAK

H.J. SUDIRMAN BIN SURATIN




PENGARAH W. TIMUR

PN. W. FADZILAH BINTI W. DAGANG




VISI / MISI / OBJEKTIF



OBJEKTIF

1. Menyelaras dan mengawal pelaksanaan latihan kemahiran bagi melahirkan K-Pekerja untuk keperluan pekerjaan dan pengiktirafan di peringkat nasional dan antarabangsa; dan
2. Menyelidik dan membangunkan standard kekompetenan pekerjaan dan kepakaran bagi meningkatkan kualiti sumber manusia mahir berterusan ke arah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

FUNGSI JABATAN



PIAGAM PELANGGAN

1. Melahirkan pekerja mahir bagi menampung keperluan industri negara melalui pentauliahan program latihan kemahiran di pusat bertauliah dan mencapai sekurang-kurangnya 90% siap proses pentauliahan dalam tempoh tiga bulan bagi setiap permohonan;
2. Memproses semua permohonan Perakuan dan Pengiktirafan Tenaga Pengajar dan Tenaga Pakar Industri Negara dalam tempoh 50 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima; dan
3. Memastikan aduan awam yang diterima diberi maklumbalas dalam tempoh tiga hari.

JPK MENERUSI DASAR – DASAR KERAJAAN

Berpaksikan kepada dasar Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) terus menyusun atur dasar, strategi dan tindakan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang membangun secara mampu melalui penekanan beberapa tonggak, teras dan strategi jabatan secara lestari.

Sebagai agensi yang menjadi peneraju dalam Bidang Pembangunan dan Pengurusan Sumber Manusia Bertaraf Dunia, peranan JPK perlu selari dengan tahap kemajuan negara dan matlamat pembangunan masa hadapan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Pelan Strategik KSM dan JPK ini dijadikan sebagai asas dalam memacu warga JPK ke arah pembentukan modal insan berkemahiran yang berpengetahuan, responsif, dinamik, kreatif dan inovatif serta berdaya saing dalam arus perubahan supaya kekal relevan sebagai tenaga mahir atau technopreneur dalam industri.

ENAM (6) TERAS STRATEGIK KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)

**Keadilan & Kesaksamaan:** Untuk menghayati dan mengamalkan prinsip keadilan dan kesaksamaan untuk menegakkan keadilan sosial demi kesejahteraan semua

Keharmonian: Untuk memastikan perhubungan perusahaan yang harmoni antara majikan, pekerja dan Kesatuan sekerja untuk pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat

Tripartisma: Untuk memastikan hubungan erat dalam menggubal dan melaksanakan peraturan, dasar, undang-undang dan untuk kebaikan semua

Kesejahteraan & Keselamatan : Amalan terbaik berkaitan keselamatan dan kesihatan di tempat kerja untuk memastikan tempat kerja yang kondusif dan produktif

Pembelajaran berterusan: Untuk meletakkan kepentingan ke atas pembelajaran yang berterusan melalui latihan & kemahiran yang meningkatkan & memastikan kebolehpasaran yang kompeten & berdaya saing

Prihatin: Memberi perlindungan keselamatan sosial untuk kesejahteraan pekerja, keluarga, masyarakat & negara

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (KSP RMK 11)

ENAM (6) TONGGAK KSP RMK-11

-
1. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam
 2. Memperkuuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat
 3. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang
 4. **Memperkasa modal insan**
 5. Mempertingkat kemampaman alam sekitar melalui pertumbuhan hijau
 6. Memperkuuh pertumbuhan ekonomi

ENAM (6) TERAS STRATEGIK DAN PEMACU PERUBAHAN


1. Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
2. Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- 3. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju**
4. Menuju pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampaman dan daya tahan
5. Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
6. Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

PELAN STRATEGIK KSM 2018-2020

ENAM (6) TERAS STRATEGIK KSM - PENERAJU DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERTARAF DUNIA


1. Meningkatkan Modal Insan yang Relevan, Kompeten dan Berdaya Saing untuk Memenuhi Keperluan Ekonomi Negara
2. Mengutamakan Peluang Pekerjaan kepada Warganegara
3. Memelihara dan Meningkatkan Perhubungan Perusahaan yang Kondusif, Matang dan Harmoni serta Menjamin Hak Pekerja dan Majikan
4. Mengamalkan Budaya Kerja Selamat dan Sihat yang Dinamik
5. Memantapkan Jaringan Keselamatan Sosial yang Progresif dan Komprehensif kepada Seluruh Lapisan Pekerja
6. Memantap dan Memperkasakan Tadbir Urus KSM

PELAN RETREAT JPK 2018-2020



ROLLING PLAN 4

LAPAN (8) PROJEK ROLLING PLAN 4



KERANGKA 'BLUEPRINT' PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

ENAM (6) PELAN STRATEGIK JPK 2018-2020



BAB 1

TADBIR

URUS

TVET

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (KSP RMK 11)

ENAM (6) TONGGAK KSP RMK-11

-
1. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam
 2. Memperkuuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat
 3. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang
 4. **Memperkasa modal insan**
 5. Mempertingkat kemampuan alam sekitar melalui pertumbuhan hijau
 6. Memperkuuh pertumbuhan ekonomi

ENAM (6) TERAS STRATEGIK DAN PEMACU PERUBAHAN


1. Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
2. Meningkatkan kesejahteraan rakyat
3. **Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju**
4. Menuju pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampuan dan daya tahan
5. Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
6. Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

PELAN STRATEGIK KSM 2018-2020

ENAM (6) TERAS STRATEGIK KSM - PENERAJU DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERTARAF DUNIA


1. Meningkatkan Modal Insan yang Relevan, Kompeten dan Berdaya Saing untuk Memenuhi Keperluan Ekonomi Negara
2. Mengutamakan Peluang Pekerjaan kepada Warganegara
3. Memelihara dan Meningkatkan Perhubungan Perusahaan yang Kondusif, Matang dan Harmoni serta Menjamin Hak Pekerja dan Majikan
4. Mengamalkan Budaya Kerja Selamat dan Sihat yang Dinamik
5. Memantapkan Jaringan Keselamatan Sosial yang Progresif dan Komprehensif kepada Seluruh Lapisan Pekerja
6. Memantap dan Memperkasakan Tadbir Urus KSM

PELAN RETREAT JPK 2018-2020



ROLLING PLAN 4

LAPAN (8) PROJEK ROLLING PLAN 4



KERANGKA 'BLUEPRINT' PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN


ENAM (6) PELAN STRATEGIK JPK 2018-2020



MAJLIS PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEBANGSAAN (MPKK)

FUNGSI MAJLIS

Suatu badan dengan nama Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) ditubuhkan di bawah Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 (Akta 652). Fungsi MPKK ialah:



KEANGGOTAAN MAJLIS

Ahli anggota MPKK adalah terdiri daripada anggota yang telah dilantik oleh Menteri iaitu:

- a. Seorang Pengurus
- b. Ketua Pengarah
- c. Sembilan (9) anggota yang mana:



- 1 seorang anggota mewakili Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri;
- 2 seorang anggota mewakili Jabatan Perkhidmatan Awam;
- 3 seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pelajaran;
- 4 seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pengajian tinggi;
- 5 seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi sumber manusia;
- 6 seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi belia dan sukan;
- 7 seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pembangunan usahawan;
- 8 seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi pertanian;
- 9 seorang anggota mewakili Kementerian yang bertanggungjawab bagi kerja raya;

d. sepuluh (10) orang anggota yang mana:

- 1 enam (6) orang anggota mewakili sektor swasta;
- 2 seorang anggota yang mewakili penyedia latihan kemahiran swasta;
- 3 seorang anggota yang mewakili pertubuhan wanita; dan
- 4 dua (2) anggota yang mempunyai, pada pendapat Menteri, pengetahuan khas atau pengalaman dalam latihan kemahiran.

Ahli Anggota Majlis


Ahli anggota MPKK yang telah dilantik bagi tempoh dari 16 Ogos 2016 hingga 15 Ogos 2019 adalah seperti Jadual 1.1:

Jadual 1.1: Senarai Ahli Anggota MPKK

| BIL | AHLI MAJLIS | AGENSI |
|-----|---|---|
| 1 | Dato' Mahfuz Bin Omar | Timbalan Menteri, Kementerian Sumber Manusia (Pengerusi) |
| 2 | Tn. Hj. Zaihan Bin Shukri | Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) |
| 3 | Dr. Maziah bt. Che Yusoff | Pengarah, Seksyen Pembangunan Modal Insan, Unit Perancang Ekonomi (UPE) |
| 4 | Datuk Dr. Rosslina Binti Ahmad Mokhtar | Pengarah, Bahagian Pembangunan Modal Insan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) |
| 5 | En. Zainuren Bin Hj Mohd Nor | Pengarah, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) |
| 6 | Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub | Timbalan Ketua Pengarah (Operasi), Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) |
| 7 | Datuk Mohamed Elias bin Abu Bakar | Timbalan Ketua Setiausaha (Operasi), Kementerian Sumber Manusia |
| 8 | Dato' Dr. Hajah Wasitah Binti Haji Mohd Yusof | Ketua Pengarah, Bahagian Pembangunan Kemahiran Belia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) |
| 9 | En. Mahzan Bin Teh | Pengarah Kemahiran dan Teknikal, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah |
| 10 | Tn. Hj. Mohd Sufian Bin Sulaiman | Pengarah, Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia (MOA) |

| BIL | AHLI MAJLIS | AGENSI |
|-----|---|--|
| 11 | En. Megat Kamil Azmi Megat Rus Kamarani | Pengurus Besar, Sektor Pembangunan Personel Binaan, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), |
| 12 | Tan Sri Dato' Prof. Dr. James Alfred | Presiden, The Chartered Institute of Marketing Malaysia (CIM) |
| 13 | Dato' Dr. Ir. Andy Seo Kian Haw | Persatuan Teknologi Malaysia (TAM) |
| 14 | Datuk Hj. Shamsuddin bin Bardan | Presiden, Persatuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) |
| 15 | En. Jey Kumar a/l P Raman | Timbalan Presiden, Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) |
| 16 | En. Davies Danavaindram a/l Arputhasamy | Vice President, Federation of Malaysian Manufacturers (FMM) |
| 17 | En. Johann Daniel Maximilian Bernbeck | Ketua Eksekutif, Malaysian German Chamber of Commerce & Industry (MGCC) |
| 18 | En. Sailanathan a/l Podian | Presiden, Federation of JPK Accredited Centers Malaysia (FeMAC) |
| 19 | Pn. Sarojini Ruth Rajahser | Presiden, National Association Of Women Enterpreneurs Of Malaysia (NAWEM) |
| 20 | Datuk Dr. Mohd Yaakub Hj. Johari | Presiden/Ketua Eksekutif, Sabah Economic Development and Investment Authority (SEDIA) |
| 21 | Dr. Ngui Kwang Sing | Ahli Jawatankuasa Eksekutif, Sarawak Chamber of Commerce & Industry (SCCI) |

Sejumlah 125 Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK) ataupun *National Occupational Skills Standard (NOSS)* telah diluluskan oleh Mesyuarat MPKK yang bersidang sebanyak tiga (3) kali sepanjang tahun 2019. Berikut adalah agenda mengikut mesyuarat, iaitu:



Mesyuarat MPKK Bil 1/2019

1. Perakuan 74 NOSS (52 NOSS baharu, 22 dikaji semula) untuk kelulusan Majlis
2. Pembentangan Jawatankuasa Kerja MPKK:

| | |
|---|---|
| 1 | Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus TVET |
| 2 | Jawatankuasa Kerja Persijilan Dan Pengiktirafan |
| 3 | Jawatankuasa Kerja Pembiayaan Latihan |
| 4 | Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET |
| 5 | Jawatankuasa Kerja Kerjasama Strategik |
| 6 | Jawatankuasa Kerja Promosi |

Mesyuarat MPKK Bil. 2/2019

1. Perakuan 14 NOSS untuk kelulusan Majlis
2. Deraf kerangka blueprint Pembangunan Modal Insan Berkemahiran (Memperkasakan modal insan melalui TVET dipacu industri)

Mesyuarat MPKK Bil. 3/2019

1. Perakuan 37 NOSS untuk kelulusan Majlis
2. Pembentangan oleh CIAST *E-Profilng* (analisa pelaksanaan *e-Profilng*)

Jawatankuasa Kerja MPKK:



MPKK yang bersidang pada 8 Oktober 2018 telah bersetuju menubuhkan enam (6) Jawatankuasa Kerja bagi membantu MPKK dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan ialah:

Jawatankuasa Kerja Tadbir Urus TVET

Bertanggungjawab untuk meningkatkan tadbir urus TVET yang lebih efektif.

Jawatankuasa Kerja Persijilan Dan Pengiktirafan

Bertanggungjawab untuk mengharmoni hubungan di antara JPK dengan regulatory body yang lain untuk mengelakkan pertindihan kuasa serta mewujudkan laluan kerjaya yang lebih jelas.

Jawatankuasa Kerja Promosi

Bertanggungjawab menjenamakan semula serta meningkatkan penerimaan masyarakat berkaitan TVET.

Jawatankuasa Kerja Pembiayaan Latihan

Bertanggungjawab merangka kaedah pembiayaan latihan yang lebih produktif.

Jawatankuasa Kerja Peningkatan Kualiti Latihan TVET

Bertanggungjawab mencadangkan mekanisma pelaksanaan latihan yang lebih signifikan selaras dengan keperluan industri negara.

Jawatankuasa Kerja Kerjasama Strategik

Bertanggungjawab membentuk kerjasama strategik di antara kerajaan, industri serta pusat latihan bagi merancangkan pelaksanaan TVET.





Rajah 1.1: Mesyuarat MPKK Bil. 1/2019
bertempat di Hotel Dorsett, Putrajaya



Rajah 1.2: Sidang Media
Sempena Mesyuarat MPKK
Bil. 1/2019 bertempat di
Hotel Dorsett, Putrajaya



Rajah 1.3: Mesyuarat MPKK Bil. 2/2019 di Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya



Rajah 1.4: Mesyuarat MPKK Bil. 3/2019 bertempat di Kementerian Sumber Manusia, Putrajaya



KUMPULAN PERANCANG STRATEGIK JABATAN

Kumpulan Kumpulan Perancang Strategik (KPS) JPK telah diwujudkan berfungsi bagi mencetuskan idea baharu yang boleh dilaksanakan bagi melestari dan mencambah masa depan JPK dengan hala tuju yang lebih jelas, relevan dan berwawasan.

Sehubungan dengan itu, sebanyak dua (2) siri bengkel kerja telah dilaksanakan pada 1 hingga 3 April 2019 dan 9 - 10 Oktober 2019 bertempat di Avillion Admiral Cove Port Dickson, Negeri Sembilan. Tujuan bengkel ini diadakan adalah bagi menyusun inisiatif-inisiatif hasil daripada cadangan dan rumusan Mesyuarat MPKK Bil. 1/2019 untuk dimasukkan ke dalam Kerangka ‘Blueprint’ Pembangunan Modal Insan Berkemahiran dan seterusnya membangunkan Kerangka ‘Blueprint’ Pembangunan Modal Insan Berkemahiran yang mengandungi objektif strategik, strategi dan inisiatif utama bagi setiap kluster.

Kerangka ‘Blueprint’ Pembangunan Modal Insan Berkemahiran ini merupakan jujukan inisiatif dan usaha komprehensif melalui TVET yang digerakkan oleh semua pihak yang berkepentingan di Malaysia secara strategik untuk merealisasikan hasrat memperkasa dan mengoptimumkan potensi modal insan berkemahiran sebagai pemacu perkembangan industri dan pertumbuhan sosioekonomi Malaysia bagi mencapai status negara maju yang inklusif, saksama dan makmur.



Rajah 1.5: Perbincangan Bengkel Kerja KPS JPK Bil. 1/2019




Rajah 1.6: Perbincangan Bengkel Kerja KPS JPK Bil. 2/2019

PEMATUHAN TERHADAP DASAR DAN PERUNTUKAN PERUNDANGAN DI BAWAH AKTA 652

Pemeriksaan dan Pemantauan Pusat Bertauliah

Lawatan pemeriksaan ke atas Pusat Bertauliah dijalankan sebagaimana peruntukan di bawah Seksyen 38 Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 652 (Akta 652). Menurut Akta 652, pemeriksaan hendaklah dilaksanakan dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan latihan kemahiran oleh Pusat Bertauliah mematuhi keperluan Akta 652 serta mengikut peraturan dan syarat yang telah ditetapkan. Rajah 1.7 menunjukkan bahawa sebanyak 67 jumlah lawatan pemeriksaan dilakukan ke atas Pusat Bertauliah dan Jadual 1.2 menunjukkan bahawa jenis tindakan dikenakan ke atas Pusat Bertauliah yang terlibat.



Rajah 1.7: Bilangan Lawatan Pemeriksaan Pada Tahun 2019


Jadual 1.2: Bilangan Pusat Bertauliah dan Program Bertauliah Mengikut Jenis Tindakan

| JENIS TINDAKAN | BILANGAN PUSAT BERTAULIAH YANG TERLIBAT | BILANGAN PROGRAM BERTAULIAH YANG DIKENAKAN TINDAKAN |
|------------------------------------|---|---|
| Amaran | 18 | 49 |
| Pembatalan Pertauliahan Program | 9 | 12 |
| Tindakan Secara Pentadbiran | 5 | 23 |
| JUMLAH | 32 | 84 |

Kawalan Pengiklanan

Sebarang bentuk pengiklanan berkaitan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) oleh Pusat Bertauliah atau mana-mana pihak perlu mendapatkan kelulusan JPK. Iklan yang dikeluarkan perlu mempunyai maklumat yang jelas dan tidak menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat. JPK mengambil serius mengenai perkara ini supaya masyarakat mendapat maklumat yang sahih dan jelas mengenai SPKM. Rajah 1.8 menunjukkan tafsiran pengiklanan dan Rajah 1.9 pula menunjukkan jenis-

jenis pengiklanan yang boleh dilakukan oleh Pusat Bertauliah. Akta 652 menggariskan peruntukan berkenaan pengiklanan sepertimana yang terdapat dalam Seksyen 53 berkaitan Larangan ke atas Pengiklanan dan Seksyen 54 berkaitan Kawalan Pengiklanan, bagi memastikan iklan yang dikeluarkan adalah sahih dan tidak mengelirukan serta mematuhi kriteria pengiklanan yang ditetapkan. Kriteria pengiklanan yang mematuhi Akta 652 adalah seperti di dalam Rajah 1.10.



Rajah 1.8: Taksiran Pengiklanan



Rajah 1.9: Jenis Pengiklanan



Rajah 1.10: Kriteria Pengiklanan bagi Pematuhan Akta 652

| ZON | JUMLAH PERMOHONAN |
|---------|-------------------|
| Tengah | 91 |
| Utara | 31 |
| Timur | 20 |
| Selatan | 25 |
| Sabah | 15 |
| Sarawak | 16 |
| JUMLAH | 198 |

Bagi tahun 2019, sebanyak 198 permohonan pengiklanan telah diproses seperti yang ditunjukkan di dalam Jadual 1.3. Manakala sebanyak 89% permohonan telah diluluskan dan 11% permohonan tidak diluluskan disebabkan gagal memenuhi kriteria pengiklanan yang telah ditetapkan.

Jadual 1.3: Bilangan Permohonan Pengiklanan Yang Diterima Mengikut Zon Bagi Tahun 2019

PENARAFAN BINTANG PROGRAM BERTAULIAH

Penarafan Bintang Program Bertauliah diadakan bertujuan untuk memberi penarafan terhadap program bertauliah yang dijalankan dengan mengambil kira tahap penyampaian perkhidmatan latihan kemahiran yang disediakan oleh Pusat Bertauliah. Penarafan Bintang Program Bertauliah dilaksanakan setiap dua (2) tahun sekali bermula tahun 2011.

Bagi tahun 2019 sebanyak 2,487 program bertauliah telah ditarafkan melibatkan 545 buah pusat bertauliah awam dan swasta. Tahap Penarafan terdiri dari satu (1) hingga lima (5) bintang mengikut skor yang diperolehi daripada audit yang melibatkan kriteria yang telah ditetapkan seperti di dalam Rajah 1.11. Audit Penarafan Bintang telah dilaksanakan dari April hingga Oktober 2019.

| MARKAH | TAHAP | BINTANG |
|-----------------|--------------|---------|
| 90-100 | Cemerlang | |
| 75-89 | Baik | |
| 60-74 | Sederhana | |
| 46-59 | Lemah | |
| 45 dan ke bawah | Sangat Lemah | |

Rajah 1.11: Lima (5) Tahap Penarafan Bintang

Keputusan Penarafan Bintang telah dikeluarkan pada Disember 2019. Daripada 2,487 program yang ditarafkan, sebanyak 292 program (12.82%) mendapat tahap Cemerlang iaitu lima (5) Bintang merujuk kepada laporan berdasarkan kepada live data terkini Keputusan Penarafan Bintang di dalam sistem SKKM di dalam Rajah 1.12.

| TANDA PENARAFAN | BILANGAN PROGRAM | PERATUS |
|--------------------------|------------------|---------|
| Cemerlang(5 Bintang) | 292 | 12.8% |
| Baik (4 Bintang) | 811 | 35.60% |
| Sederhana (2 bintang) | 531 | 23.31% |
| Lemah (2 Bintang) | 390 | 17.12% |
| Sangat Lemah (1 Bintang) | 254 | 11.15% |
| JUMLAH | 2278 | 100% |

Rajah 1.12: Keputusan Penarafan Program Bertauliah Mengikut Tahap Penarafan

Pusat Bertauliah yang mendapat sekurang-kurangnya satu (1) program ditarafkan Cemerlang akan dikategorikan sebagai Pusat Bertauliah Cemerlang bagi program tersebut. Daripada 545 Pusat Bertauliah yang terlibat di dalam penarafan, sebanyak 81 adalah Pusat Bertauliah yang mendapat sekurang-kurangnya satu (1) program Cemerlang seperti dalam Rajah 1.13.



Rajah 1.13: Bilangan Pusat Bertauliah yang Mendapat Sekurang-Kurangnya 1 Program Bertauliah ditarafkan Cemerlang

SPKM MELALUI KAEDAH LATIHAN PROGRAM BERTAULIAH (SLaPB)

Transformasi Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB)

- Proses Kerja Akreditasi Tunggal Berasaskan *Code Of Practice For Tvet Programme Accreditation (COPTPA)* Bersama Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Transformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) merupakan salah satu tumpuan utama kerajaan bagi menghasilkan modal insan yang berpengetahuan, berkemahiran dan memiliki sikap positif untuk terus maju dalam ekonomi global. SPKM melalui kaedah pentaulahan pusat bertauliah yang mula dilaksanakan pada tahun 1994, telah dijenamakan semula pada tahun 2018 dengan nama Sistem Latihan Program Bertauliah (SLaPB).

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan dalam transformasi sistem latihan, Jawatankuasa Kecil Proses Kerja Akreditasi Tunggal TVET yang ditubuhkan di bawah Jawatankuasa Teknikal Bersama JPK dan MQA telah melaksanakan sebanyak enam (6) sesi bengkel seperti di Jadual 1.4 bagi memastikan setiap perancangan yang dirancang adalah berada di landasan yang tepat.

Bengkel ini diadakan bagi menyemak dan mengkaji semula kaedah pelaksanaan sediada bersama MQA dan pihak berkepentingan lain dalam pelaksanaan yang selari dan menepati dasar Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 30 Januari 2019.

Jadual 1.4: Sesi bengkel Transformasi Sistem Latihan Bertauliah (SLaPB)


| BIL | TARIKH | LOKASI |
|-----|------------------------|--|
| 1. | 28 - 30 Jun 2019 | Avillion Admiral Cove, PD |
| 2. | 20 - 21 Ogos 2019 | Mercu MQA |
| 3. | 18 - 19 September 2019 | Dorsett Putrajaya |
| 4. | 9 - 10 Oktober 2019 | Dorsett Putrajaya |
| 5. | 16 - 17 Oktober 2019 | Putrajaya Marriott Hotel IOI Resort City |
| 6. | 4 - 5 November 2019 | Putrajaya Marriott Hotel IOI Resort City |



Rajah 1.14: Sesi Bengkel Transformasi SLaPB
– Proses Kerja Akreditasi Tunggal Berasaskan COPTPA Bersama MQA di Dorsett Putrajaya pada 9 - 10 Oktober 2019

Pengenalan Dan Penguatkuasaan Pelaksanaan Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) Berasaskan Kredit

Selaras dengan keperluan semasa dan sebagai persediaan serta pematuhan kepada Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA) susulan kelulusan Jemaah Menteri bagi pelaksanaan Sistem Jaminan Kualiti Tunggal TVET pada 30 Januari 2019, JPK telah menambahbaik pelaksanaan SPKM melalui penggubalan polisi dan dasar berkaitan pelaksanaan SPKM berasaskan kredit bagi menyediakan kelayakan kemahiran yang lebih baik kepada graduan SPKM supaya kelayakan yang dianugerahkan lebih diterima dan diiktiraf. Kelebihan yang boleh dimanfaatkan daripada pelaksanaan SPKM berasaskan kredit ialah:



Sebanyak tujuh (7) sesi taklimat berkaitan pelaksanaan SPKM berasaskan kredit seperti di Jadual 1.5 telah diadakan mengikut zon sepanjang tahun 2019. Penguatkuasaan pelaksanaan sistem kredit telah dibuat secara berperingkat bermula secara rintis bagi pusat bertauliahan SLaPB di negeri Melaka pada 1 September 2019 dan diperluaskan kepada semua pusat bertauliahan berkuatkuasa pada 1 November 2019.

Jadual 1.5: Sesi taklimat berkaitan pelaksanaan SPKM berasaskan kredit

| SESI | TARIKH | LOKASI |
|------|--------------------|--------------------|
| 1. | 19 dan 20 Jun 2019 | ADTEC Melaka |
| 2. | 19 Oktober 2019 | CIAST Shah Alam |
| 3. | 31 Oktober 2019 | ILP Kuantan |
| 4. | 13 November 2019 | ADTEC Batu Pahat |
| 5. | 21 November 2019 | Mercu MQA |
| 6. | 26 November 2019 | Hatten Hotel Melak |
| 7. | 27 November 2019 | ILP Kepala Batas |




Rajah 1.15: Sesi Taklimat Berkaitan Pelaksanaan SPKM Berdasarkan Kredit di ILP Kuantan pada 31 Oktober 2019

TADBIR URUS INDUSTRY LEAD BODY (ILB)

JPK memperkenalkan Industry Lead Body (ILB) pada tahun 2010 bertujuan memperkasakan konsep public-private partnership seterusnya menjadi pemangkin kepada penerimaan SPKM secara menyeluruh oleh industri di Malaysia. Tujuannya adalah untuk meningkatkan bilangan dan peratusan tenaga mahir kerja tempatan. Ia merupakan konsep yang mendapat sokongan padu oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Jabatan Perdana Menteri yang mengesyorkan cadangan konsep tersebut melalui Entry Point Project ke-5 dalam

menyokong hasrat pembangunan TVET Negara.

Sehingga akhir tahun 2019, sebanyak 30 ILB telah dilantik oleh JPK dalam membantu usaha membangunkan sumber manusia mahir Negara di bawah Pelan Transformasi Kementerian Sumber Manusia (KSM). ILB berfungsi untuk menasihati Jabatan mengenai halatuju dan kandungan latihan kemahiran agar sentiasa selari dengan keperluan industri semasa. Peranan ILB sebagai penasihat Jabatan merangkumi lima (5) aktiviti utama iaitu:



Dua (2) siri Mesyuarat Kerja Halatuju dan Penyelarasan ILB telah diadakan pada:



Tujuan mesyuarat kerja ini adalah untuk memantapkan dan memperhalusi aktiviti-aktiviti yang boleh dijalankan selain dari aktiviti utama selari dengan keperluan industri serta merangka pelan tindakan bagi merealisasikan enam (6) strategi utama kerjasama strategik seperti Rajah 1.16:

Memperkuuhkan Kerjasama Strategik di antara Kerajaan, Industri Serta Pusat Latihan Bagi Merancakkan Perlaksanaan TVET

2 OBJEKTIF STRATEGI UTAMA KERJASAMA STRATEGIK


Memperkuuhkan kerjasama industri ke arah *industry-driven* dalam pelaksanaan TVET bagi meningkatkan kebolehkerjaan

OSI-01

Perkongsian *training material* dan *equipment* di antara kerajaan, industri dan pusat latihan bagi memaksimumkan sumber yang ada

OSI-02

6 STRATEGI UTAMA KERJASAMA STRATEGIK



Rajah 1.16: Kerangka Kerjasama Strategik



Rajah 1.17: Mesyuarat Kerja Halatuju dan Penyelarasan ILB Siri 1 pada 26 hingga 28 Mac 2019 di Strait Suite Hotel, Melaka.



Rajah 1.18: Mesyuarat Kerja Halatuju dan Penyelarasan ILB Siri 2 pada 20 November 2019 di Dorset Hotel, Putrajaya



PROGRAM PEMBANGUNAN KEPAKARAN DAN LATIHAN SEMUA (RESKILLING) TENAGA PENGAJAR TVET

Sejajar dengan keperluan industri dan perubahan teknologi yang dinamik di peringkat global, maka satu mekanisme secara terancang adalah perlu untuk meningkatkan dan memantapkan kemahiran sedia ada di kalangan tenaga pengajar institut latihan kemahiran awam. Ini penting untuk menyedia dan melengkapkan tenaga pengajar kemahiran dengan pengetahuan (knowledge), kemahiran (skills) dan sikap (attitude) yang sesuai bagi melaksanakan latihan yang berkesan di institusi latihan kemahiran awam. Pelaksanaan latihan tersebut adalah berdasarkan kepada profil pengajar kemahiran yang telah dibangunkan. Ini bertujuan untuk menutup jurang yang wujud pada setiap pengajar kemahiran supaya latihan yang berkualiti dapat disampaikan kepada pelatih.

Program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar yang dilaksanakan di agensi yang terlibat adalah bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kepada tenaga pengajar TVET mengikut keperluan bidang kemahiran masing-masing. JPK melalui CIAST telah dilantik sebagai urusetia program di bawah RMK-11 bagi menyelaras dan memantau perlaksanaan dan perbelanjaan bagi program tersebut.

Modul latihan dan kursus dibangunkan melalui TVET Instructor eProfiling System (TiPS) yang mana data kekompetenan pengajar dianalisa bagi memastikan pelaksanaan kursus memenuhi keperluan pengajar. Kursus-kursus peningkatan kemahiran yang dijalankan perlu merujuk kepada analisa keperluan latihan (ability checklist) yang telah dibangunkan oleh panel yang mahir mengikut bidang kemahiran masing-masing.

**Bagi tahun 2019
peruntukan sebanyak RM
20 juta telah diterima di
bawah RMK-11 yang mana
peruntukan tersebut telah
diagihkan kepada 14 agensi
pelaksana latihan TVET
melibatkan agensi kerajaan
dan swasta. Jadual 1.6
merupakan pelaksanaan
Program Pembangunan
Kepakaran dan Latihan
Semula (Reskilling) Tenaga
Pengajar bagi Tahun 2019.**

Jadual 1.6: Bilangan Kursus dan Peserta bagi Program Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar bagi Tahun 2019 mengikut Kementerian/Agenzi

| BIL | KEMENTERIAN/AGENSI | BILANGAN KURSUS DILAKSANAKAN | BILANGAN PESERTA |
|-----|--|------------------------------|------------------|
| 1 | Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) – SLDN CIAST | 162 | 5,574 |
| 2 | Jabatan Pendidikan Politeknik & Kolej Komuniti (JPPKK) | 142 | 3,118 |
| 3 | Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | 110 | 1,175 |
| 4 | Kementerian Belia dan Sukan (KBS) - IKBN/IKTBN | 105 | 940 |
| 5 | Universiti Kuala Lumpur (UNIKL) | 74 | 703 |
| 6 | Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) - CIAST | 62 | 589 |
| 7 | GIATMARA | 46 | 476 |
| 8 | German Malaysian Institut (GMI) | 39 | 234 |
| 9 | Majlis Amanah Rakyat (MARA) - IKM & KKTM | 34 | 261 |
| 10 | Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV) | 23 | 466 |
| 11 | Bahagian Latihan Kemahiran Pertanian (BLKP) | 20 | 261 |
| 12 | Jabatan Penjara Malaysia (JPM) | 17 | 181 |
| 13 | Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) | 15 | 210 |
| 14 | Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) | 13 | 283 |
| 15 | Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) | 4 | 53 |
| | JUMLAH | 866 | 14,524 |

PERSIJILAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI (SPK) MS ISO 9001:2015

Perkhidmatan Awam Malaysia telah melaksanakan Standard Antarabangsa ISO sejak tahun 1996 melalui pengeluaran Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam (PKKA) Bilangan 2 Tahun 1996 bertajuk Garis Panduan bagi Melaksanakan MS ISO 9000 dalam Perkhidmatan Awam bertarikh 11 Julai 1996. Dengan pengeluaran PKPA tersebut, agensi awam diharuskan untuk melaksanakan SPK berasaskan salah satu siri MS ISO iaitu MS ISO 9001, MS ISO 9002 atau MS ISO 9003 versi 1994. Sejajar dengan trend pengurusan abad ke - 21, Internation Organization for Standardization meneruskan evolusi standard terkini yang dikenali sebagai Standard Antarabangsa ISO 9001:2015 pada September 2015. Oleh kerana menyahut seruan kerajaan maka persijilan MS ISO di JPK adalah merupakan MS ISO 9001:2015. Skop pelaksanaan yang terlibat mengandungi empat (4) Prosedur Kualiti iaitu:

1. Pembangunan Petaulahan Program Latihan Kemahiran Bagi Pusat Bertauliahan Baharu;
2. Pembangunan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (SKPK);
3. Petaulahan Pusat Bertauliahan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) Baharu; dan
4. Lawatan Pemeriksaan di bawah Akta 652.

Bagi lima (5) Prosedur Pengurusan yang terlibat adalah;

1. Pengurusan Latihan;
2. Maklum Balas Pelanggan;
3. Pengurusan Isu & Risiko;
4. Kawalan Dokumen Kualiti; dan
5. Pengurusan Audit Dalaman

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah mendapat penganugerahan pensijilan MS ISO 9001:2015 untuk tempoh tiga (3) tahun daripada badan pengiktirafan SIRIM QAS International Sdn. Bhd. yang mana tempoh sah laku adalah daripada 9 Mac 2018 - 8 Mac 2021 seperti di dalam Rajah 1.19. Sepanjang tempoh tersebut, SIRIM QAS International Sdn. Bhd. akan melaksanakan audit pematuhan, audit surveillance dan audit pensijilan semula.



SIJIL



SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

**JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
SITE 2
BLOK 4803, SUITE 0-10, CBD PERDANA
PERSIARAN FLORA
63000 CYBERJAYA
SELANGOR DARUL EHSAN
MALAYSIA**

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Kualiti yang menepati

**ISO 9001 : 2015
QUALITY MANAGEMENT SYSTEMS - Requirements**

Skop Pensijilan

**PENGURUSAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA MAHIR
MERANGKUMI:**

- 1) PEMBANGUNAN STANDARD KEMAHIRAN PEKERJAAN KEBANGSAAN (NOSS);
- 2) PENTAUERI PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN BAGI PUSAT BERTAUERI BAHARU;
- 3) PENTAUERI PUSAT BERTAUERI SISTEM LATIHAN DUAL NASIONAL (SLDN) BAHARU;
- 4) LAWATAN PEMERIKSAAN DI BAWAH AKTA 652

Tarikh Dikeluarkan : 09 Mac 2018

Tempoh Sah : 09 Mac 2018 - 08 Mac 2021

No. Pensijilan : QMS 03215

SIRIM QAS International Sdn. Bhd.
No. Syarikat 410334-X
5, Persiaran Datai' Mentari
Sektor 2, Petaling Jaya 47135
47000 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel : 60-3-5544 6424
Fax : 60-3-5544 6787

<http://www.sirim-qas.com.my>
<http://www.malaysiancertified.com.my>

Mohd Azanuddin Salleh
Pengarah Urusan
Sirim Qas International Sdn. Bhd.

Pengesahan sijil ini berakur kepada penulisan perakitan dan zarah/zayadah temyata dalam Penjanjian Pensijilan

BAB 2

PENSIJILAN

DAN PENGIKTIRAFAN




PELAN STRATEGIK KSM 2018-2020

ENAM (6) TERAS STRATEGIK KSM - PENERAJU DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERTARAF DUNIA


1. Meningkatkan Modal Insan yang Relevan, Kompeten dan Berdaya Saing untuk Memenuhi Keperluan Ekonomi Negara
2. Mengutamakan Peluang Pekerjaan kepada Warganegara
3. Memelihara dan Meningkatkan Perhubungan Perusahaan yang Kondusif, Matang dan Harmoni serta Menjamin Hak Pekerja dan Majikan
4. Mengamalkan Budaya Kerja Selamat dan Sihat yang Dinamik
5. Memantapkan Jaringan Keselamatan Sosial yang Progresif dan Komprehensif kepada Seluruh Lapisan Pekerja
6. Memantap dan Memperkasakan Tadbir Urus KSM

PELAN RETREAT JPK 2018-2020



KERANGKA ‘BLUEPRINT’ PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

ENAM (6) KLUSTER STRATEGIK KERANGKA ‘BLUEPRINT’ PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN



Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) yang mula diperkenalkan pada tahun 1993 adalah sistem latihan yang berteraskan kepada National Occupational Skills Standards (NOSS) sebagai asas untuk pentaulahan, pelaksanaan latihan dan penilaian bagi mengukur keterampilan individu serta pensijilan. Ia adalah polisi, mekanisme dan tatacara yang terlibat dalam penganugerahan Sijil Penyata Pencapaian / Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) / Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) / Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran. Terdapat lima (5) tahap Pensijilan iaitu SKM (Tahap 1 – 3), DKM (Tahap 4) dan DLKM (Tahap 5). Manakala Penyata Pencapaian dianugerahkan kepada mereka yang hanya mampu mencapai keterampilan bagi sebahagian latihan kemahiran yang diikuti.

PENTAULIAHAN

| Accreditation or Conformity Assessment Body | In Compliance with Standards | Date of initial Registration (and renewal) | Expiry of Registration |
|---|---------------------------------|--|------------------------|
| Argentinian Organisation for accreditation | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 12 June 2019 | 11 June 2022 |
| ICNDT PCB Conformity Assessment | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 19 July 2015 (21 January 2019) | 21 January 2022 |
| JAS-ANZ - Joint Accreditation System of Australia and New Zealand | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 1 May 2014 (18 July 2017) | 18 July 2020 |
| ICNDT PCB Conformity Assessment | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 1 May 2015 (1 August 2018) | 1 August 2021 |
| Department of Standards, Malaysia | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 26 September 2019 | 25 September 2022 |
| FINAS - Finnish Accreditation Service | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 28 February 2014 (23 August 2017) | 23 August 2020 |
| Mexican Accreditation Institute (EMA) | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 26 September 2019 | 25 September 2022 |
| Sri Lanka Accreditation Board for Conformity Assessment | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 27 October 2017 | 26 October 2020 |



NDT PCB

Non-Destructive Testing Society (Singapore)-NDTSS

PCN-British Institute of NDT

RELACRE-Associacao de Laboratorios Acreditados de Portugal

RTC "Testing and diagnostics" (Moscow, Russian Federation)

SAIW Certification (south Africa)

SECTOR Cert-Geselischaft fur Zertifizierung mbH

TUV NORD Czech s.r.o.

The Ukrainian Scientific Research Institite for NDT (UkrSRINDT)

Urzad Dozoru Technicznego Jednostka Certyfikujaca Osoby UDT-CERT (Poland)

| Accreditation or Conformity Assessment Body | In Compliance with Standards | Date of initial Registration (and renewal) | Expiry of Registration |
|--|---------------------------------|--|---|
| Singapore Accreditation Council | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 18 July 2017 | 18 July 2020 |
| UKAS-United Kingdom Accreditation Service | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 14 July 2014 (13 July 2017) | 13 July 2020 |
| IPAC-Portuguese Accreditation Institute | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 28 January 2014 (8 March 2017) | 28 January 2020 |
| UKAS-United Kingdom Accreditation Service | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 3 March 2014 (3 March 2017) | 3 March 2020 |
| SANS-South African National Accreditation System | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 17 February 2016)17 February 2019) | 16 February 2022 |
| DAkkS (Deutsche Akkreditierungsstelle GmbH) | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 7 June 2016 | Interim extension granted to 30 November 2019 |
| Czech Institute For Accreditation | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 28 June 2019 | 27 June 2022 |
| The National Accreditation Agency of Ukraine | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 5 July 2013 (11 January 2017) | 14 January 2020 |
| Polish Centre For Accreditation | ISO 17024:2012 ISO 9712:2012 | 27 February 2014 (11 July 2017) | 11 July 2020 |

Akreditasi ISO 17024:2012 & ISO 9712:2012

JKP berjaya mengekalkan akreditasi ISO/IEC 17024 (Conformity Assessment: General Requirements for Bodies Operating Certification of Persons) yang merupakan satu dokumen yang menggariskan keperluan am bagi badan pensijilan dalam mematuhi kesaksamaan dalam setiap keputusan pensijilan dan memastikan penilaian yang membawa pensijilan dilaksanakan secara adil, sahih dan dipercayai. Sijil Akreditasi Akreditasi ISO/IEC 17024 daripada Jabatan Standards Malaysia adalah seperti di Rajah 2.9.



ISO 9712:2012 (*Qualification and Certification of NDT Personnel*) merupakan satu dokumen yang menggariskan keperluan spesifik yang standard bagi kelayakan dan Pensijilan personel yang melaksanakan pengujian NDT kepada pihak industri.

Rajah 2.9: Sijil Akreditasi ISO/IEC 17024
daripada Jabatan Standards Malaysia

Pemurnian Cadangan Kelayakan Pensijilan Kemahiran Malaysia Bagi Tujuan Lantikan Ke Skim Perkhidmatan Awam Bil.1/2019

Mesyuarat kerja pemurnian telah dilaksanakan pada 30 - 31 Oktober 2019 di Bangi Resort Hotel melibatkan 120 orang daripada pelbagai Kementerian/Jabatan/Agenzi. Mesyuarat kerja ini telah melaksanakan penyemakan semula dan pemurnian bagi pemetaan di antara skop tugas skim perkhidmatan dengan bidang-bidang kemahiran (NOSS) yang berkaitan bagi 38 skim perkhidmatan.



Rajah 2.10:
Mesyuarat Kerja
Pemurnian
Cadangan
Kelayakan
Pensijilan
Kemahiran
Malaysia

Penggiatan Pensijilan Melalui Kaedah PPT

Program Taklimat Pelaksanaan Pensijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) Di Bawah Pusat Bertauliah-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PB-PPT)

Sesi taklimat Pelaksanaan Pensijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) di bawah Pusat Bertauliah-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PB-PPT) ini telah diadakan pada 16 Oktober 2019 bertempat di Zenith Hotel Putrajaya dengan dihadiri oleh 100 orang daripada PB-PPT Awam dan Swasta yang mendapat petaulahan di bawah JPK.

Bertujuan menerangkan mengenai Panduan Perlaksanaan Pensijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang sedang berkuatkuasa serta penggunaan di dalam Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) bagi PB-PPT.



Rajah 2.11: Taklimat
Pelaksanaan Pensijilan
Kemahiran Malaysia Melalui
Kaedah Pengiktirafan
Pencapaian Terdahulu (PPT)

Program Bimbingan Personel PPT

Program Bimbingan Personel PPT turut dilaksanakan bertujuan memberikan penerangan mengenai pengisian borang-borang tuntutan, prosedur tuntutan serta Panduan Perlaksanaan Pensijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang sedang berkuatkuasa kepada Personal PPT. Program ini telah diadakan pada 15 Ogos 2019 bertempat di Institut Kemahiran Belia Negara, Kemasik Kemaman, Terengganu dengan dihadiri oleh seramai 20 orang daripada Personal PPT dari negeri Pantai timur.



Rajah 2.12: Klinik Bimbingan Personel PPT

Sesi Verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT) secara Penilaian Khas bagi Institut Kemahiran Mara (IKM)

Sesi verifikasi Pegawai Pengesah Luaran (PPL-PPT) secara Penilaian Khas bagi Institut Kemahiran Mara (IKM) turut dijalankan pada 16 - 18 Julai 2019 kepada 55 orang calon yang terdiri dari pengajar-pengajar Institut Kemahiran Mara (IKM) bertempat di Institut Kemahiran Mara (IKM) Lumut, Perak. Penilaian ini diadakan bagi menentusahkan keterampilan calon seterusnya membolehkan mereka dipersijilkan sekiranya berkelayakan dan terampil.

Program Taklimat Pelaksanaan Pensijilan Kemahiran Malaysia Melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT)

Taklimat Pelaksanaan Pensijilan Kemahiran Malaysia melalui Kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) juga telah diadakan pada 24 Ogos 2019 bertempat di Crystal Crown Hotel, Kepong, Kuala Lumpur melibatkan 50 orang daripada Persatuan Guru-guru Tadika Swasta Malaysia dan Skillcity Academy.

Tujuan taklimat ini diadakan bagi menerangkan mengenai Panduan Pelaksanaan Pensijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT) yang sedang berkuatkuasa serta penggunaan di dalam Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) pada guru-guru tadika swasta.



A decorative background featuring three stylized butterflies with intricate patterns on their wings. The butterflies are adorned with large, brilliant blue and gold diamonds. The background is a dark blue gradient with scattered gold and blue circular sparkles.

BAB 3

PEMBIAYAAN

LATIHAN

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (KSP RMK 11)

ENAM (6) TONGGAK KSP RMK-11

-
- 1. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam
 - 1. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang
 - 1. Mempertingkat kemampaman alam sekitar melalui pertumbuhan hijau
 - 1. Memperkuuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat
 - 1. Memperkasa modal insan
 - 1. Memperkuuh pertumbuhan ekonomi

ENAM (6) TERAS STRATEGIK DAN PEMACU PERUBAHAN


- 1. Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
- 2. Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- 3. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju**
- 4. Menuju pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampaman dan daya tahan
- 5. Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
- 6. Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

PELAN STRATEGIK KSM 2018-2020

ENAM (6) TERAS STRATEGIK KSM - PENERAJU DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERTARAF DUNIA

1. Meningkatkan Modal Insan yang Relevan, Kompeten dan Berdaya Saing untuk Memenuhi Keperluan Ekonomi Negara
2. Mengutamakan Peluang Pekerjaan kepada Warganegara
3. Memelihara dan Meningkatkan Perhubungan Perusahaan yang Kondusif, Matang dan Harmoni serta Menjamin Hak Pekerja dan Majikan
4. Mengamalkan Budaya Kerja Selamat dan Sihat yang Dinamik
5. Memantapkan Jaringan Keselamatan Sosial yang Progresif dan Komprehensif kepada Seluruh Lapisan Pekerja
6. Memantap dan Memperkasakan Tadbir Urus KSM

PELAN RETREAT JPK 2018-2020



KERANGKA 'BLUEPRINT' PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

ENAM (6) PELAN STRATEGIK JPK 2018-2020



PROJEK PEMBANGUNAN JKP DI BAWAH RMKE-11

Mentransformasikan TVET untuk memenuhi permintaan industri telah menjadi salah satu daripada fokus utama di bawah RMKe-11. Pada tahun 2019, JPK telah dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan mengharmonikan program, projek dan inisiatif RMKe-11 di bawah Teras 3 yang melibatkan 7 kementerian utama yang menjalankan program TVET. Sebanyak lapan (8) projek pembangunan telah dilaksanakan oleh JPK sepanjang tahun 2019 seperti di Jadual 3.1.

**Jadual 3.1: Projek Pembangunan Jabatan Pembangunan Kemahiran
Tahun 2019**

| NAMA PROJEK | PENCAPAIAN 2019 |
|---|--|
| Projek 1: Memperkasa Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) – Pembangunan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran SLDN | <ol style="list-style-type: none">1. Pembangunan Bahan Pengajaran & Pembelajaran SLDN bagi 18 program.2. Pembangunan Kepakaran Personel Industri bagi 7 program NOSS. |
| Projek 2: Pembangunan Kurikulum & Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan. | <ol style="list-style-type: none">1. Pembangunan 12 <i>Occupational Framework (OF)</i>.2. Pembangunan 56 NOSS.3. Penyertaan seramai 687 peserta kursus pembangunan fasilitator dan 39 fasilitator bertauliah4. Pembangunan soalan penilaian akhir bagi 12 NOSS (78 CU). |
| Projek 3: Program Penilaian Star Rating | Penilaian terhadap 545 PB melibatkan 2,487 program. |

| NAMA PROJEK | PENCAPAIAN 2019 |
|---|---|
| Projek 4: Memperluaskan Jalinan Kerjasama Strategik dengan Industri melalui perlantikan Industry Lead Body (ILB). | <ol style="list-style-type: none"> 1. 1 Kajian Permintaan dan Penawaran Tenaga Kerja TVET dalam bidang Aeroangkasa; 2. Pembangunan 19 NOSS. 3. Pelaksanaan 47 sesi promosi 4. Pengiktirafan kemahiran melalui PPT kepada 1,020 pengamal industri. |
| Projek 5: Perkongsian Tenaga Pakar ILKA/ILKS/Industri melalui Latihan Sangkutan Industri (LSI) | <ol style="list-style-type: none"> 1. Penyertaan seramai 469 pengajar dalam Latihan Sangkutan Industri. 2. Penyertaan seramai 533 pengajar dalam program Perkongsian Kepakaran Industri |
| Projek 6: Pembangunan Kepakaran dan Latihan Semula (Reskilling) Tenaga Pengajar TVET | Penyertaan seramai 17,355 pengajar TVET dalam 850 kursus kemahiran. |
| Projek 7: Penyertaan seramai 17,355 pengajar TVET dalam 850 kursus kemahiran. | <ol style="list-style-type: none"> 1. Pembangunan 108 Ability Checklist. 2. Latihan penggunaan sistem kepada 1,224 peserta. |
| Projek 8: Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) | Pendaftaran 5,942 perantis dalam Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN). |

BUSINESS PLAN JPK

Setiap tahun Jabatan akan mengadakan Mesyuarat Kerja Business Plan JPK. Mesyuarat kerja ini bertujuan untuk membincangkan aktiviti-aktiviti Jabatan yang akan dilaksanakan pada tahun 2020 dalam usaha untuk memperkasakan TVET di dalam negara dan seterusnya menghasilkan tenaga kerja mahir khususnya di Malaysia. Mesyuarat Kerja Business Plan JPK 2020 (BP JPK 2019) telah diadakan di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu pada 25 - 28 November 2019 yang telah disertai oleh 45 pegawai kanan JPK.



Rajah 3.1: Mesyuarat Kerja Business Plan 2020 JPK pada 25 - 28 November 2019 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu

Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk membangunkan modal insan berkemahiran yang bertaraf dunia seperti yang dinyatakan dalam visi dan misi Jabatan, tujuan mesyuarat kerja ini adalah supaya Jabatan dapat menyedia dan membangunkan satu Business Plan (BP) yang teliti dan terperinci serta mantap dan strategik. BP JPK yang dihasilkan ini akan dijadikan panduan utama Jabatan dalam usaha untuk membangunkan modal insan yang berkemahiran di negara ini.



PENYERTAAN PERANTIS DALAM PELAKSANAAN SLDN BERINSENTIF RMKe 11

Di bawah Rancangan Malaysia ke Sebelas (RMKe-11), pembangunan modal insan merupakan elemen penting bagi memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong peralihan industri negara kepada aktiviti berintensif pengetahuan. Antara langkah penting yang akan diambil ialah menambah baik produktiviti buruh dan gaji, serta mempertingkatkan kecekapan operasi pasaran buruh.

Bagi Program SLDN Berinsentif RMKe 11, Kerajaan telah mensasarkan sebanyak 6,000 perantis setiap tahun dengan Peruntukan Pembangunan sebanyak RM40 juta setahun. Peruntukan tersebut disalurkan kepada Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang bertanggungjawab untuk menguruskan bayaran. Kadar elaun dan insentif bulanan yang diberikan adalah RM300 bagi perantis, RM125 bagi pusat latihan dan RM200 bagi Syarikat. Pada tahun 2019, sebanyak 6,102 perantis daripada 231 PB SLDN telah menyertai program ini.

BAB 4

KUALITI

LATIHAN



KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KESEBELAS (KSP RMK 11)

ENAM (6) TONGGAK KSP RMK-11

-
- 1. Mereformasi tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan dan kecekapan perkhidmatan awam
 - 1. Memperkuuh pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat

- 1. Menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang

- 1. Mempertingkat kemampaman alam sekitar melalui pertumbuhan hijau

1. Memperkasa modal insan

- 1. Memperkuuh pertumbuhan ekonomi

ENAM (6) TERAS STRATEGIK DAN PEMACU PERUBAHAN


- 1. Memperkuuh inklusiviti ke arah masyarakat yang saksama
- 2. Meningkatkan kesejahteraan rakyat
- 3. Meningkatkan pembangunan modal insan untuk negara maju**
- 4. Menuju pertumbuhan hijau bagi meningkatkan kemampaman dan daya tahan
- 5. Memperkuuh infrastruktur bagi menyokong pertumbuhan ekonomi
- 6. Merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk peningkatan kemakmuran

PELAN STRATEGIK KSM 2018-2020

ENAM (6) TERAS STRATEGIK KSM - PENERAJU DALAM BIDANG PEMBANGUNAN DAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA BERTARAF DUNIA


1. Meningkatkan Modal Insan yang Relevan, Kompeten dan Berdaya Saing untuk Memenuhi Keperluan Ekonomi Negara
2. Mengutamakan Peluang Pekerjaan kepada Warganegara
3. Memelihara dan Meningkatkan Perhubungan Perusahaan yang Kondusif, Matang dan Harmoni serta Menjamin Hak Pekerja dan Majikan
4. Mengamalkan Budaya Kerja Selamat dan Sihat yang Dinamik
5. Memantapkan Jaringan Keselamatan Sosial yang Progresif dan Komprehensif kepada Seluruh Lapisan Pekerja
6. Memantap dan Memperkasakan Tadbir Urus KSM

PELAN RETREAT JPK 2018-2020



ROLLING PLAN 4

LAPAN (8) PROJEK ROLLING PLAN 4



KERANGKA 'BLUEPRINT' PEMBANGUNAN MODAL INSAN BERKEMAHIRAN

ENAM (6) PELAN STRATEGIK JPK 2018-2020



KAJIAN PEMBANGUNAN LATIHAN KEMAHIRAN

Pada tahun 2019 sebanyak empat (4) kajian telah dilaksanakan. Tiga (3) daripada kajian tersebut menggunakan kepakaran dalaman dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Pasukan Kajian JPK dan satu kajian yang telah dilaksanakan oleh pihak ILB iaitu daripada pihak (*National Aerospace Industry Coordinating Office*) NAICO. Tajuk-tajuk kajian yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

1
Analisa Trend Penawaran dan Permintaan terhadap Graduan TVET SPKM Mengikut Sektor Terpilih

2
Tahap Penerimaan terhadap Latihan Kemahiran di Malaysia di kalangan Industri di bawah ILB

3
Hubungan Pencapaian Penilaian Berterusan, Penilaian Projek Akhir dengan Pencapaian Penilaian Akhir bagi Latihan Berasaskan Kompetensi di Pusat Bertauliah JPK

4
Kajian pihak NAICO bertajuk Kajian Penawaran dan Permintaan Tenaga Kerja TVET dalam bidang Aeroangkasa



Hasil daripada empat (4) kajian yang dijalankan, satu Seminar Perkongsian Hasil Dapatan Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran JPK Tahun 2019 telah diadakan pada 21 November 2019 di Hotel Pulse Grande, Putrajaya. Seminar ini bertujuan bagi mendapatkan maklumbalas daripada warga JPK bagi hasil kajian yang dibentangkan supaya ianya dapat dimanfaatkan dalam menambahbaik sistem latihan kemahiran untuk memenuhi agenda Jabatan ke arah

membangun dan memperkasakan sistem TVET selain dapat menambahbaik kajian-kajian yang dilaksanakan pada masa akan datang. Kajian-kajian berkaitan latihan kemahiran yang dibuat ini diharap dapat digunakan oleh Jabatan terutama sekali cadangan penambahbaikan/hasil dapatan yang telah dicadangkan untuk diambil tindakan oleh bahagian-bahagian berkaitan bagi meningkatkan lagi mutu penyampaian Jabatan.



Rajah 4.1: Seminar Perkongsian Hasil Dapatan Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran JPK Tahun 2019



Rajah 4.2: Pembentangan ketika Seminar Perkongsian Hasil Dapatan Kajian Pembangunan Latihan Kemahiran JPK Tahun 2019



KAJIAN KEBERKESANAN PROJEK PEMBANGUNAN MELALUI KAJIAN PENILAIAN OUTCOME

Kajian Penilaian Outcome bagi Projek Pembangunan Sistem eProfiling Pengajar TVET telah dilaksanakan pada tahun 2019 bertujuan:

1. Mengenalpasti tahap penggunaan sistem eProfiling dan tahap kepuasan pengguna sistem; dan
2. Mengenalpasti keberkesanan program latihan yang dilaksanakan pada aspek peningkatan pengetahuan, kemahiran dan profesionalisme pengajar TVET yang menyertai program latihan.

Kajian Penilaian Outcome ini telah dibentangkan kepada pihak ICU pada 1 Oktober 2019. Berikut adalah ringkasan pencapaian berdasarkan objektif projek :

Objektif 1

Mewujudkan profiling tenaga pengajar bagi tujuan pembangunan kepakaran dan kerjaya.

Sistem eProfiling bertujuan bagi mengenalpasti jurang kompetensi pengajar TVET dengan kaedah yang sistematik supaya perancangan dan pelaksanaan latihan yang tepat dan berstruktur dikenalpasti dan dilaksanakan. Sistem dibangunkan berkonsepkan web-enabled bagi memudahkan capaian di seluruh negara. Jadual 4.1 menunjukkan peratusan penggunaan Sistem eProfiling.

Jadual 4.1: Laporan Penilaian Outcome Projek Pembangunan Sistem e-Profiling Pengajar TVET.



| INDIKATOR PENCAPAIAN | |
|--|--|
| OUTPUT | OUTCOME |
| i. 1 Sistem eProfiling pengajar TVET dibangunkan (6 modul) ii. 133 Ability Checklist dibangunkan iii. 356 personel eProfiling dilatih iv. 33 Fasilitator eProfiling dilatih | i. 87.4% Pengajar berdaftar dalam sistem eProfiling ii. 91.4% daripada pengajar berdaftar dalam sistem eProfiling membuat penilaian kompetensi iii. Platform pelaksanaan 2 program latihan iv. 87.7% Pengguna berpuas hati dengan penggunaan sistem v. Empat (4) pengiktirafan daripada pihak luar |

Objektif 2

Meningkatkan tahap kepakaran tenaga pengajar ILKA/ILKS secara berterusan.

Bagi meningkatkan kemahiran pengajar kemahiran, Projek Pembangunan Kepakaran dan Kerjaya telah dijalankan. Jadual 4.2 menunjukkan indikator pencapaian yang telah dicapai.

Jadual 4.2: Laporan Penilaian Outcome Projek Pembangunan Kepakaran dan Kerjaya



| INDIKATOR PENCAPAIAN | |
|---|---|
| OUTPUT | OUTCOME |
| <ul style="list-style-type: none">i. 235 pengajar mengikuti latihan persijilan antarabangsa (Cert.IV)ii. 100 pendaftaran persijilan SKM sehingga Tahap 5iii. 100 pengajar mengikuti latihan persijilan profesionaliv. 584 pengajar ditingkatkan kemahiran teknikalv. 87 pengajar mengikuti Latihan Sangkutan Industri (LSI)vi. 935 pengajar mengikuti program perkongsian pakar Industri (PKI) | <ul style="list-style-type: none">i. 91% pengajar menerima persijilan Cert.IVii. 93% pengajar menerima persijilan SKM sehingga Tahap 5iii. 97% pengajar menerima persijilan profesionaliv. 83% pengajar meningkat tahap pengetahuaniv. 81% pengajar meningkat tahap kemahiran |



Rajah 4.3: Pembentangan Projek Penilaian Outcome Tahun 2019 Peringkat Kementerian Sumber Manusia pada 5 September 2019




Rajah 4.4: Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) ICU JPM Tahun 2019 pada 1 Oktober 2019



Persediaan Penilaian Outcome Projek Pembangunan (P46) RMKe-11 Bagi Tahun 2019 Bersama Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).

Bengkel persediaan penilaian outcome ini telah diadakan di KSL Resort, Johor Bahru pada 27 - 29 Mac 2019 yang telah disertai oleh 30 pegawai JPK. Tujuan bengkel ini adalah sebagai langkah persediaan kepada Pengurus Projek dalam menyediakan kajian penilaian outcome program/projek pembangunan masing-masing dengan merujuk kepada Garis Panduan Pengukuran Pencapaian Program/Projek Pembangunan Melalui Penilaian Outcome (Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012). Berikut adalah objektif bengkel persediaan ini, iaitu:



Pembentukan kerangka keberhasilan (*Results Frameworks*) yang mantap bagi setiap projek pembangunan; dan

Hasil kajian Penilaian Outcome nanti akhirnya dapat dijadikan rujukan dalam perancangan dasar dan halatuju Jabatan dalam penyediaan program/projek/ inisiatif untuk RMKe-12.



Rajah 4.5: Bengkel Persediaan Penilaian Outcome Projek Pembangunan (P46) RMKe-11 bagi Tahun 2019, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK)

Pembangunan Kertas Strategi RMKe-12 Bagi Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Satu bengkel pembangunan kertas strategi RMKe-12 telah diadakan pada 24 - 26 Jun 2019 di Lexis, Port Dickson yang disertai oleh 34 pegawai JPK. Objektif bengkel ini adalah untuk membangun dan memurnikan kertas strategi JPK bagi persediaan pembentangan deraf pertama di peringkat *Inter Agency Planning Group* (IAPG) Pembangunan Modal Insan yang dijadualkan pada awal 19 Julai 2019.

Perancangan Program/ Inisiatif RMKe-12 bagi Jabatan Pembangunan Kemahiran.

Mesyuarat kerja Perancangan Program/ Inisiatif RMKe12 telah diadakan di Hotel Zenith, Putrajaya pada 3 hingga 5 Julai 2019 yang disertai oleh 46 pegawai JPK. Mesyuarat kerja ini bertujuan untuk bagi merancang program/inisiatif RMKe-12 berpandukan kepada kertas startegi “Strenghtening TVET to Meet Industry Demands” yang telah disediakan.



Rajah 4.6:

Bengkel Persediaan Pembangunan Kertas Strategi RMKe-12 bagi JPK



Rajah 4.7: Mesyuarat Kerja Perancangan Program / Inisiatif RMKe-12 bagi Jabatan Pembangunan Kemahiran.

PENYERTAAN DI PERINGKAT ANTARABANGSA

Bagi memastikan latihan TVET Negara seiring dengan TVET di peringkat antarabangsa, Jabatan turut menyertai program berkaitan pendidikan dan latihan kemahiran anjuran pihak antarabangsa. Jadual 4.3 menunjukkan senarai program antarabangsa yang turut disertai oleh JPK.

Jadual 4.3: Program di Peringkat Antarabangsa yang disertai JPK bagi Tahun 2019 (Luaran)

| BIL | TARIKH | PROGRAM | NEGARA |
|-----|-----------------------|---|----------------------|
| 1 | 31 Januari 2019 | Mesyuarat Penyelarasan Peringkat Kebangsaan Bagi Mesyuarat Perancangan Strategik BIMP-EAGA | JPM, Putrajaya |
| 2 | 11-15 Februari 2019 | BIMP-EAGA Strategic Planning Meeting | Kota Kinabalu, Sabah |
| 3 | 13 - 15 Februari 2019 | <i>7th Regional Steering Committee of the Standard for In-Company Trainers in ASEAN Countries Meeting</i> | Pattaya, Thailand |
| 4 | 21 - 22 Februari 2019 | <i>Consultative Meeting on 'Enhancing Information Management and Sharing of Labour Market and Migration Information in ASEAN – Furthering Discussions of an ASEAN Labour Migration Information Portal</i> | Bangkok, Thailand |
| 5 | 25 - 27 Mac 2019 | <i>The Asian Conference on Education & International Development (ACEID2019)</i> | Tokyo, Japan |
| 6 | 1 - 12 April 2019 | Program Pembangunan Eksekutif (EDP) Junior Gred 41-44 | Republik of Korea |
| 7 | 9 - 10 April 2019 | <i>Regional Good Practice Seminar: "Inclusive Future for Southeast Asia: Labour Mobility, Skills and Growth"</i> | Bangkok, Thailand |

| BIL | TARIKH | PROGRAM | NEGARA |
|-----|------------------------|---|---------------------------------------|
| 8 | 1 - 4 Mei 2019 | Mesyuarat Ke-6 Peringkat Pegawai Kanan Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) dan Northern Territory, Australia | Darwin, Northern Territory, Australia |
| 9 | 25 - 26 Jun 2019 | Seminar On Qualifications Frameworks And Recognition In The Digital Area | Jakarta, Indonesia |
| 10 | 29 - 30 Jun 2019 | Thematic Workshop On The Technical And Vocational Education And Training (TVET) for Refrigeration Servicing Technicians Of SA And Sea Networks | Bangkok, Thailand |
| 11 | 26 Jun - 10 Julai 2019 | ASD - CBA Event Competency Digital Up skilling Program | Republik of Korea |
| 12 | 15 Ogos 2019 | Mesyuarat Penyelarasan Antara Agensi Bagi Persediaan Malaysia Sebagai Hos Mesyuarat Kluster Sosio Budaya Dan Pendidikan, Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP EAGA) | Kuching, Sarawak |
| 13 | 22 - 26 Ogos 2019 | International Invention Innovation Competition in Canada, iCAN2019 | Toronto, Canada |
| 14 | 11 - 14 September | International Best Practices & Sharing Knowledge in TVET Programme | Politeknik Negeri Jakarta, Indonesia |
| 15 | 11 - 13 September 2019 | International Organization for Standardization (ISO) Meeting | Sydney, Australia |
| 16 | 12 - 13 September 2019 | Malaysia Invitation 5th Regional Skills Technical Working Group Meeting | Hanoi, Vietnam |

| BIL | TARIKH | PROGRAM | NEGARA |
|-----|------------------------------|---|------------------------|
| 17 | 17 - 19 September 2019 | Mesyuarat Kluster Sosio Budaya Dan Pendidikan, Brunei-Indonesia-Malaysia-Philippines East ASEAN Growth Area (BIMP-EAGA) | Kuching, Sarawak |
| 18 | 7 - 25 Oktober 2019 | <i>7th Regional Master Trainer Training Based On The Standard For In-Company Trainers In ASEAN Countries</i> | Kuching, Sarawak |
| 19 | 8 - 12 Oktober 2019 | <i>World Invention Technology Expo (WINTEX) 2019</i> | Jakarta, Indonesia |
| 20 | 29 Oktober - 2 November 2019 | <i>Program Modal Insan (International Outreach Programme) : Tadbir Urus Bersepadu (TUBE)</i> | Bandung, Indonesia |
| 21 | 2 - 5 November 2019 | <i>The 6th FEIIC, International Conference on Engineering Education and Research (FICEER) 2019</i> | Mekah, Arab Saudi |
| 23 | 18 - 21 November 2019 | <i>Program Best Of The Best Leadership (BOB Lead) : "Unlocking Organisational Performance Through Competencies"</i> | London, United Kingdom |
| 24 | 18 - 21 November 2019 | <i>Program Best Of The Best Leadership (BOB Lead) : "Open Source Innovator"</i> | Phuket, Thailand |
| 25 | 22 - 24 November 2019 | Mesyuarat Ke 23 Peringkat Menteri BIMP EAGA dan Mesyuarat Berkaitan | Kuching, Sarawak |
| 26 | 2 - 3 Disember 2019 | <i>Trilateral Workshop 1 - 1st Draft Benchmarking Report AGP</i> | Jakarta, Indonesia |
| 27 | 11 - 14 Disember 2019 | <i>TOPCIT Awards Ceremony and Workshop 2019</i> | Seoul, Korea |

Selain menyertai program di peringkat antarabangsa, Jabatan turut menerima kunjungan hormat dari delegasi luar negara bagi mendapatkan informasi berkaitan pelaksanaan TVET di Malaysia. Jadual 4.4 menunjukkan senarai delegasi luar negara yang telah membuat kunjungan hormat di JPK.

Jadual 4.4: Program di Peringkat Antarabangsa yang disertai JPK bagi Tahun 2019 (Dalam)

| BIL | SEKSYEN | |
|-----|-------------------|--|
| 1. | 21 Februari 2019 | Taklimat Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia melalui kaedah SLDN kepada Delegasi Bhutan |
| 2. | 24 Jun 2019 | Lawatan Delegasi Kerajaan Bhutan |
| 3. | 10 September 2019 | Lawatan Delegasi Artibus Innovation (Australia) |
| 4. | 12 Disember 2019 | Lawatan Delegasi NEPAL |

→ JPK, Cyberjaya

} JPK, Putrajaya



Rajah 4.8: Lawatan Delegasi dari Australia ke JPK Putrajaya pada 10 September 2019



Rajah 4.9: Lawatan Delegasi Nepal ke JPK

Putrajaya, 12 Disember 2019



LATIHAN PRA-PERKHIDMATAN

Latihan Pra-Perkhidmatan adalah kursus latihan kemahiran jangka panjang yang dilaksanakan di CIAST dan 14 Kampus Satelit (CSC) untuk melahirkan pengajar kemahiran yang kompeten. Rajah 4.10 merupakan data keluaran latuhan pra perkhidmatan/kursus jangka panjang tahun 2019 manakala Jadual 4.5 pula menunjukkan statistik pengambilan, enrolmen dan keluaran pelajar untuk latihan Pra-Perkhidmatan bagi tiga (3) kursus utama, iaitu:

- i. Sijil Pengajar Vokasional (Vocational Pengajar Vokasional – VTO);
- ii. Sijil Kemahiran Malaysia (SKM3+VTO); dan
- iii. Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV)

Jadual 4.5: Bilangan Statistik Pengambilan, Enrolmen dan Keluaran Pelajar untuk Latihan Pra-Perkhidmatan bagi Tahun 2019.


| NAMA PROGRAM | PENGAMBILAN | | ENROLMEN | | KELUARAN | |
|------------------------------------|-------------|-------------|------------|-------------|------------|-------------|
| | BIL KURSUS | BIL PESERTA | BIL KURSUS | BIL PESERTA | BIL KURSUS | BIL PESERTA |
| Sijil (VTO) | 3 | 266 | 10 | 171 | 5 | 447 |
| SKM3+VTO | 0 | 0 | 2 | 10 | 0 | 0 |
| DKM+VTO | 4 | 21 | 4 | 21 | 0 | 0 |
| DLPV | 0 | 0 | 9 | 35 | 6 | 24 |
| Sijil (VTO) - Kampus Satelit CIAST | 3 | 668 | 8 | 426 | 4 | 952 |
| JUMLAH | 10 | 955 | 33 | 663 | 15 | 1423 |



Rajah 4.10: Data Keluaran Latihan Pra Perkhidmatan/Kursus Jangka Panjang Tahun 2019


LATIHAN DALAM PERKHIDMATAN

Latihan dalam perkhidmatan adalah program latihan yang dilaksanakan untuk tenaga pengajar kemahiran yang telah dilantik sebagai pengajar di sesuatu agensi/kementerian/jabatan. Tujuan program ini adalah untuk meningkatkan kemahiran sedi ada di samping pendedahan terhadap perkembangan teknologi semasa di industri dan antara program latihan yang dilaksanakan untuk tenaga pengajar adalah seperti berikut:



Program Khas VTO/VTE/VTM

Program khas VTO, VTE dan VTM **bertujuan untuk mengiktiraf dan mempersijilkan individu yang berkelayakan dan berpengalaman dalam latihan kemahiran dengan sijil VTO, VTE dan VTM secara Fast Track dan Single Tier melalui kaedah Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPT).** Jadual 4.6 merupakan pencapaian peserta yang memperoleh sijil VTO/VTE/VTM mengikut agensi bagi tahun 2019.





Jadual 4.6: Pencapaian Program Khas VTO/VTE/VTM

| AGENSI | VTO | | | VTE | | VTM | | JUMLAH LULUS | | GAGAL | JUMLAH CALON |
|---|------------|----------|-----------|----------|----------|----------|----------|--------------|----------|-----------|--------------|
| | Lulus | PC | Gagal | Lulus | Gagal | Lulus | Gagal | SKM | PC | | |
| Mara Fasa 1,2 & Bptv 3/18 | 65 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 65 | 0 | 0 | 85 |
| Mara Fasa 3 | 27 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 27 | 0 | 1 | 1 | 28 |
| Mara Fasa 4 & 5 BPTV 1/2019 | 93 | 0 | 2 | 0 | 0 | 0 | 93 | 0 | 2 | 2 | 95 |
| BPTV 2/2019 & MARA FASA 6 | 47 | 0 | 5 | 0 | 0 | 0 | 47 | 0 | 5 | 5 | 52 |
| KV BIL 1,2, 8, 9, 11,12, 13 /2019 | 373 | 0 | 6 | 0 | 0 | 0 | 0 | 373 | 0 | 6 | 379 |
| JUMLAH | 605 | 0 | 14 | 0 | 0 | 0 | 0 | 605 | 0 | 14 | 619 |

Kursus Jangka Pendek

Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK) melalui CIAST menawarkan kursus-kursus dan latihan jangka pendek melalui program Modular, Customised, Reskilling dan juga kursus di bawah Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) PERKESO. Kursus-kursus ini terbuka kepada semua pengajar kemahiran institusi latihan kemahiran awam & swasta, pekerja industri dan individu yang berminat untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang kemahiran. Bilangan kursus jangka pendek yang telah dilaksanakan pada tahun 2019 oleh program PPK adalah seperti Jadual 4.7 manakala rajah peratusan bilangan peserta yang menyertai kursus tersebut ditunjukkan di dalam Rajah 4.11.

Jadual 4.7: Ringkasan Pelaksanaan Kursus Jangka Pendek PPK Tahun 2019



Rajah 4.11: Peratusan Bilangan Peserta Kursus Jangka Pendek PPK Tahun 2019

PROGRAM PEMBANGUNAN FASILITATOR BERTAULIAH, PROFAIL PENGAJAR KEMAHIRAN (E-PROFILING) DAN PROFESIONAL KEMAHIRAN.

Program Pembangunan Fasilitator Bertauliah

Program ini bertujuan melahirkan fasilitator yang kompeten dalam membangunkan Standard dan Kurikulum Latihan Kemahiran. Latihan yang terlibat adalah meliputi Kursus Pembangunan NOSS, *Written Instructional Material (WIM)* dan Soalan Latihan Kemahiran, Program Latihan Sangkutan Fasilitator dan kursus Kemahiran Fasilitator. Calon Fasilitator perlu mengikuti dan lulus setiap kriteria pentaulahan fasilitator seperti yang telah ditetapkan. Jadual 4.8 menunjukkan pencapaian program pembangunan fasilitator bertauliah sepanjang tahun 2019.

Jadual 4.8: Pencapaian Program Pembangunan Fasilitator Bertauliah

| PERKARA | NOSS | WIM | SOALAN | KEMAHIRAN FASILITATOR |
|--|------|-----|--------|-----------------------|
| Kursus Pembangunan NOSS/WIM/Soalan/Kemahiran Fasilitator | 41 | 370 | 216 | 44 |
| Pentaulahan Fasilitator NOSS/WIM/Soalan | 8 | 22 | 11 | - |



Rajah 4.12: Kursus Pembangunan NOSS



Rajah 4.13: Kursus Kemahiran Fasilitator



Program Pembangunan Profail Pengajar Kemahiran (E-Profil) - Sistem Profil Kompetensi Pengajar Kemahiran (TiPS)

TVET Instructor eProfiling System (TiPS) atau dikenali sebagai Sistem TiPS adalah satu pangkalan data berpusat pengajar TVET Malaysia yang merangkumi 17 agensi dari sembilan (9) kementerian. Sistem kini mengumpulkan 26,403 pengajar TVET dan mampu menganalisa jurang kompetensi dan padanan latihan dengan sistematis.

Jadual 4.9: Statistik Pendaftaran Aktif Pengguna TiPS Mengikut Agensi Dan Jumlah Pengajar Melaksanakan Penilaian Kompetensi

| AGENSI | PENDAFTARAN TIPS | | PENILAIAN KOMPETENSI | |
|---------------|--------------------|-------------------|----------------------|---------------|
| | BIL PERSONEL AKTIF | BIL DAFTAR BIDANG | TAHUN 2019 | SEJAK 2017 |
| AADK | 312 | 306 | 299 | 299 |
| ATM | 156 | 0 | 0 | 0 |
| BLKP | 472 | 400 | 259 | 393 |
| BPLTV | 5,931 | 5,495 | 5,085 | 5,323 |
| CENTEX I | 22 | 16 | 0 | 14 |
| GMI | 219 | 211 | 92 | 205 |
| GIATMARA | 1,514 | 1,268 | 1,209 | 1,258 |
| JKM | 100 | 70 | 56 | 59 |
| JKP | 469 | 433 | 353 | 419 |
| JPPKK | 10,342 | 10,095 | 7,559 | 9,949 |
| Penjara | 574 | 541 | 512 | 529 |
| JTM | 2,194 | 2,191 | 2,183 | 2,191 |
| KBS | 1,064 | 1,047 | 1,047 | 1,047 |
| CIDB | 293 | 260 | 247 | 258 |
| MARA | 1,485 | 1,435 | 1,402 | 1,430 |
| MTPDRM | 144 | 119 | 0 | 113 |
| UniKL | 1,132 | 1,018 | 840 | 992 |
| JUMLAH | 26,403 | 24,905 | 21,143 | 24,279 |

Terdapat tiga kategori kompetensi yang perlu dinilai oleh pengajar iaitu Pedagogi, Vokasional/Profesional dan Pengurusan. Pada tahun 2019, seramai 21,143 pengajar telah melaksanakan penilaian kompetensi melalui sistem TiPS.

Hasil analisa kompetensi pengajar yang diperolehi daripada sistem ini telah membolehkan agensi untuk mengenalpasti tahap kompetensi pengajar dan seterusnya menyediakan pelan hala tuju latihan yang berkesan. Pelbagai bentuk latihan yang ditawarkan melalui sistem ini seperti Latihan Berpusat/Agensi, Latihan Sangkutan Industri (LSI), Perkongsian Kepakaran Industri (PKI), Coaching & Mentoring serta Latihan Kendiri.

Sehingga kini, Sistem TiPS telah berjaya mendapat pengiktirafan dari dalam dan luar negara dalam pertandingan inovasi dan pembentangan kertas berkaitan pembangunan Sistem. Pengiktirafan yang diperoleh ini dengan secara tidak langsung menunjukkan bahawa sistem ini berkesan dalam mengenalpasti jurang kompetensi pengajar dengan kaedah yang sistematik. Pengiktirafan yang diperoleh sepanjang tahun 2019 adalah seperti Jadual 4.10 dan Rajah 4.15 merupakan pencapaian terbaik CIAST yang telah memenangi pingat emas di dalam Pertandingan "International Invention Innovation Competition in Canada, ICAN" pada 22 - 26 Ogos 2019 di Toronto, Canada.



Rajah 4.14 : Pendaftaran, Penilaian dan Latihan Pengajar melalui Sistem TiPS



Jadual 4.10: Pengiktirafan Sistem TiPS Tahun 2019

1

Pertandingan
Innovation and Invention Competition Through Exhibition (ICOMPEX'19), POLIMAS

PENCAPAIAN

- Pingat Emas dan Juara Inovasi Terbaik Kelas D (ICT)
- Wang tunai RM 700

2

Pertandingan
International Summit of Innovation & Design Exposition 2019 (INSIDE 2019), Universiti Malaya

PENCAPAIAN

Pingat Gangsa

3

Pertandingan
International Invention, Innovation & Technology Exhibition Malaysia (ITEX'19)

PENCAPAIAN

- Pingat Perak (Anugerah Khas C.S.LEE award 2019)
- Wang Tunai RM1000

4

Pertandingan *International Invention, Innovation & Competition in Canada (ICAN)*

PENCAPAIAN

- Pingat Emas
- (Special Award 2019)

6

Pertandingan
Penyelidikan Dan
Pembangunan
Negeri Selangor
2019

PENCAPAIAN

- Tempat Kelima (Kategori IPTA)
- Wang Tunai RM1000

5

Pertandingan
*World Invention
Technology Expo
(WINTEX)*,
Jakarta

PENCAPAIAN

Pingat Emas

7

Pembentangan
Kertas di
Persidangan
“The 6th Feiic,
*International
Conference on
Engineering
Education
and Research*
(FICEER) 2019”,
Mekah

PENCAPAIAN

Tempat ketiga



Rajah 4.15: CIAST telah memenangi Pingat Emas dalam Pertandingan "International Invention Innovation Competition in Canada, ICAN" pada 22 - 26 Ogos 2019 di Toronto, Canada

Program Pembangunan Profesional Kemahiran

Program Latihan Sangkutan Industri (LSI)

Latihan Sangkutan Industri (LSI) adalah proses perkongsian pengetahuan antara pengajar Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA)/ Industri/ Pakar Industri/ Pengajar Pakar. Program LSI amat penting kerana dapat memastikan pegawai yang terlibat dengan latihan kemahiran mengetahui perkembangan dan kehendak industri semasa.

Selain itu, penempatan LSI adalah suatu keperluan dilakukan kepada mereka bagi memberi pengalaman dan pengetahuan supaya dapat diadaptasikan

dalam pengajaran di tempat latihan masing-masing. LSI juga mampu memupuk semangat kerja berpasukan dan membina serta memperkuuhkan hubungan baik antara pengajar ILKA dan pihak industri. Selain itu, LSI juga mendedahkan pengajar kemahiran/TVET kepada persekitaran kerja sebenar dan pelaksanaan peraturan keselamatan di industri. Jadual 4.11 menunjukkan bilangan penyertaan pengajar dalam LSI sepanjang tahun 2019.

Jadual 4.11: Penyertaan Latihan Sangkutan Industri (LSI) 2019 mengikut Agensi

| Bil | Agensi | M A C | A P R I L | M E I | J U N | J U L A I | O G O S | S E P T | O K T | Bilangan Pengajar |
|-----|---|-------------|-----------------------|-------------|-------------|-----------------------|------------------|------------------|-------------|---------------------------------|
| 1 | Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | 6 | 2 | 3 | 4 | 12 | 5 | 13 | 8 | 53 |
| 2 | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 0 | 4 | 0 | 0 | 6 | 2 | 2 | 1 | 15 |
| 3 | Kementerian Belia & Sukan (KBS) | 3 | 3 | 3 | 5 | 26 | 14 | 14 | 33 | 101 |
| 4 | Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia | 3 | 93 | 91 | 32 | 20 | 21 | 16 | 10 | 286 (Poli: 224) (K.K: 62) |

| Bil | Agensi | M A C | A P R I L | M E I | J U N | J U L A I | O G O S | S E P T | O K T | Bilangan Pengajar |
|---------------|---|-------------|-----------------------|-------------|-------------|-----------------------|------------------|------------------|-------------|-------------------|
| 5 | Bahagian Pendidikan Teknik & Vokasional (BPTV) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 4 | 0 | 1 | 5 |
| 6 | Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) / Jabatan Pembangunan Kemahiran | 0 | 1 | 0 | 1 | 1 | 3 | 0 | 3 | 9 |
| JUMLAH | | 12 | 103 | 97 | 42 | 65 | 49 | 45 | 56 | 469 |

Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI)

Program Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) ini merupakan program jaringan perhubungan antara pengajar TVET dengan pihak industri. Melalui program ini, iaanya dapat membuka peluang yang luas kepada pengajar TVET untuk mengikuti perkembangan teknologi terkini di industri dalam bidang masing-masing.

Program ini dikendalikan oleh penceramah dari kalangan pekerja industri dalam bentuk kursus, seminar, bengkel, persidangan, ceramah, taklimat, perkongsian ilmu atau simposium. Dengan program PKI, pengajar dapat meningkatkan kemahiran dan seterusnya, dapat menghasilkan pelajar yang berkualiti. Jadual 4.12 menunjukkan statistik data pelaksanaan PKI tahun 2019.


Jadual 4.12: Pelaksanaan Perkongsian Kepakaran Industri (PKI) 2019

| Bil | Agensi | M A C | A P R I L | M E I | J U N | J U L A I | O G O S | S E P T | O K T | Bilangan Siri | Bilangan Pengajar |
|-----|------------------------------|-------------|-----------------------|-------------|-------------|-----------------------|------------------|------------------|-------------|---------------|-------------------|
| 1 | Jabatan Tenaga Manusia (JTM) | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 2 | 13 |
| 2 | Majlis Amanah Rakyat (MARA) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 2 | 0 | 1 | 3 | 22 |

| Bil | Agensi | M A C | A P R I L | M E I | J U N | J U L A I | O G O S | S E P T | O K T | Bilangan Siri | Bilangan Pengajar |
|---------------|---|-------------|-----------------------|-------------|-------------|-----------------------|------------------|------------------|-------------|-------------------------|-----------------------------|
| 3 | Kementerian Belia & Sukan (KBS) | 0 | 0 | 0 | 0 | 1 | 0 | 0 | 0 | 1 | 20 |
| 4 | Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia | 0 | 4 | 1 | 2 | 1 | 1 | 2 | 0 | 11 Poli: 8 K.K: 3 | 137 Poli :117 k.K :20 |
| 5 | Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST) / Jabatan Pembangunan Kemahiran | 0 | 1 | 1 | 3 | 3 | 1 | 1 | 4 | 14 | 341 |
| JUMLAH | | 0 | 5 | 3 | 5 | 5 | 4 | 4 | 5 | 31 | 533 |

PENGURUSAN PERSONEL LANTIKAN

Tujuan pengurusan personel lantikan adalah menguruskan hal-hal berkaitan personel di JPK yang melibatkan dua (2) skop utama:




Personel Penilaian Dan Verifikasi (PPV)

Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) adalah individu yang diperakui oleh Ketua Pengarah untuk menjalankan penilaian dan verifikasi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran dan berpengalaman luas dalam bidang yang diceburi. Personel ini juga berperanan dalam jaminan mutu pelaksanaan SPKM dan penugasan tertakluk kepada keperluan JPK. PPV adalah penjenamaan semula struktur personel SPKM dan secara tidak langsung telah membantalkan Direktori Pakar Industri Negara (DPIN). Panduan dan


Syarat Permohonan Perakuan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM) telah diluluskan pada 5 November 2018.

PPV terdiri daripada Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Program Bertauliah (PPL-SLaPB), Pegawai Penilai Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT), Pegawai Pengesah Luaran Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PPL-PPT) dan Pegawai Pengesah Luaran Sistem Latihan Dual Nasional (PPL-SLDN).



Rajah 4.16: Struktur Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) bagi Sistem Persijilan Kemahiran Malaysia (SPKM).


Sehingga Disember 2019, terdapat 2,266 orang PPL-SLaPB, 1,295 orang PP-PPT, 556 orang PPL-PPT dan 884 orang PPL-SLDN yang aktif direkodkan di dalam SKKM. Carta pai di bawah ini menunjukkan infografik bilangan personel mengikut perjawatan;



Rajah 4.17: Carta Pai Bilangan Personel Penilaian dan Verifikasi (PPV) aktif mengikut kategori perjawatan

Pada tahun 2019, semua urusan permohonan dan perakuan personel SPKM dijalankan melalui Sistem Kredit Kemahiran Malaysia (SKKM) yang boleh diakses melalui url <http://www.skkm.gov.my>. Melalui SKKM semua permohonan personel boleh dibuat mengikut jenis perjawatan dan program.

Sebanyak 3,851 permohonan atau 59.32% daripada 6,492 permohonan telah diluluskan oleh Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan bagi empat (4) kategori perjawatan PPV. Jumlah permohonan mengikut kategori perjawatan boleh dilihat pada Rajah 4.18.





Rajah 4.18: Jumlah Permohonan melalui SKKM Mengikut Kategori Perjawatan

Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentaulahan (PPKSPP)

PPKSPP merupakan perakuan yang diberi kepada personel Pusat Bertauliah (PB) Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) yang bertanggungjawab dalam pengurusan latihan kemahiran, membimbing, menyelia dan menilai pelatih/perantis di PB termasuk juga di Pusat Bertauliah Sistem Latihan Dual Nasional (PB SLDN).

**Personel pentauliahan PB yang diperaku adalah
bagi jawatan berikut:**






Rajah 4.19: Carta Palang Permohonan dan Lantikan Mengikut Jawatan

Sehingga bulan Disember 2019, sejumlah 36,468 permohonan bagi jawatan-jawatan tersebut telah diproses sebagaimana graf palang yang dipaparkan dalam Rajah 4.18.

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak 18,084 permohonan atau 49.59% telah dilantik merangkumi kesemua jawatan melalui Mesyuarat Perakuan Personel SPKM yang dijalankan secara bulanan. Rajah 4.19 merupakan carta pai yang menunjukkan pecahan peratusan lantikan mengikut kategori jawatan. Rajah tersebut jelas menunjukkan jawatan PP merupakan lantikan paling tinggi dengan 58% manakala PPB SLDN lantikan paling rendah dengan menghampiri 0%.



Rajah 4.20: Carta Pai Peratusan Lantikan Personel Mengikut Jawatan

ANUGERAH PERDANA MENTERI TOKOH MAHIR 2019

Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir (APMTM) 2019 diadakan adalah untuk mengiktiraf sumbangan tokoh yang layak dalam menerahkan dan menyumbang segala usaha dan keringat dalam bidang kemahiran industri masing-masing. Ketua Pegawai Eksekutif PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah dipilih untuk menerima Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019 daripada Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad sempena Sambutan Hari Pekerja Kebangsaan 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 1 Mei 2019.

Anugerah ini diberikan untuk mengiktiraf sumbangan utama Dato' Ir. Jaseni dalam memperjuangkan, membangun dan mempromosikan program latihan kecekapan untuk industri bekalan air di Malaysia. APMTM dianugerahkan kepada individu yang telah memberi sumbangan besar kepada pembangunan kemahiran dalam negara. Penerima diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK), Kementerian Sumber Manusia (KSM).



Rajah 4.21: Anugerah Perdana Menteri Tokoh Mahir 2019 daripada Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad pada 1 Mei 2019.

PROGRAM ANTARABANGSA UNTUK PENGAJAR TVET 2019

Program Antarabangsa untuk pengajar TVET 2019 ini merupakan program antarabangsa yang dianjurkan di dalam negara yang mana JPK melalui CIAST sebagai penyelaras program bersama dengan Kementerian Luar Negeri, JICA dan agensi luar negara lain. CIAST selaku penyelaras program menyelaras, mengurus dan memantau program antarabangsa yang melibatkan pendidikan dan latihan kemahiran untuk peserta di peringkat antarabangsa. Jadual 4.13 menunjukkan senarai program antarabangsa yang dianjurkan melibatkan pengajar TVET Luar Negara manakala Jadual 4.14 menunjukkan senarai bengkel kerja yang dianjurkan oleh CIAST bagi memantapkan pembangunan bahan pengajaran dan pembelajaran bagi modul antarabangsa untuk program antarabangsa ini.

Jadual 4.13: Program Antarabangsa bagi Pengajar TVET

| BIL | TARIKH | PROGRAM | BIL PESERTA | BIDANG | NEGARA |
|-----|--------------------------|---|-------------|------------|--|
| 1 | 26 Ogos - 5 Oktober 2019 | <i>Third Country Training Programme (TCTP) 2019 Capacity Development For Technical Vocational Education And Training (TVET)</i> | 4 Peserta | Automotive | Cambodia, Lao Pdr, Myanmar and Vietnam |

| BIL | TARIKH | PROGRAM | BIL PESERTA | BIDANG | NEGARA |
|-----|-----------------------|---|-------------|---|--|
| 2 | 3 - 20 September 2019 | Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) 2019 | 47 Peserta | <i>Application and Development of PLC System, Industrial Electrical Wiring & AC Motor Control Technology, Industrial Automation in TVET Training (Intermediate) dan Enhancement Train the Trainer Programme Towards IR4.0</i> | Albania, Algeria, Bangladesh, Bhutan, Cambodia, Colombia, Gambia, Ghana, India, Iran, Kyrgyzstan, Lao Pdr, Malawi, Mauritius, Maldives, Mesir, Nigeria, Palestine, Rwanda, Sri Lanka, South Sudan, Timor Leste, Tanzania, Tunisia, Ukraine dan Zimbabwe |



Rajah 4.22: Peserta MTCP 2019
Application and Development of PLC System dan Industrial Electrical Wiring & AC Motor Control Technology



Jadual 4.14: Bengkel Kerja Anjuran Unit Latihan Antarabangsa

| BIL | TARIKH | PROGRAM | BIL PESERTA |
|-----|-----------------------|---|---|
| 1 | 9 - 12 April 2019 | Bengkel Pembangunan Modul Kursus Antarabangsa | CIAST |
